

# Kandungan laporan dan penyata kewangan

LAPORAN PARA PENGARAH	15 - 19
PENYATA PARA PENGARAH	20
AKUAN BERKANUN	20
LAPORAN JURUAUDIT	21 - 22
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	23
PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF	24
PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI	25
PENYATA ALIRAN TUNAI	26
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	27 - 59

# Laporan para pengarah

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta dengan penyata kewangan tahunan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2017.

## Aktiviti Utama

Aktiviti utama Syarikat adalah menjalankan perniagaan penanggungan semua kelas insurans am. Tidak terdapat sebarang perubahan ketara dalam jenis aktiviti utama ini di sepanjang tahun kewangan ini.

## Keputusan Kewangan

Keuntungan bersih bagi tahun kewangan RM 21,619,578

Pada pendapat para Pengarah, keputusan operasi Syarikat sepanjang tahun kewangan telah tidak terjejas secara besar-besaran oleh mana-mana perkara, urusanniaga atau peristiwa yang bersifat material dan luarbiasa.

## Dividen

Tiada dividen dibayar atau diisytihar oleh Syarikat sejak hujung tahun kewangan yang lalu. Para Pengarah tidak mengesyorkan pembayaran sebarang dividen akhir bagi tahun kewangan yang sedang dalam pertimbangan.

## Rizab dan Peruntukan

Tiada sebarang pindahan ketara kepada atau daripada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan selain daripada yang telah dinyatakan di dalam penyata kewangan.

## Peruntukan bagi Tuntutan Tertunggak

Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa peruntukan yang secukupnya dibuat untuk liabiliti insurans selaras dengan kaedah penilaian yang dinyatakan di Bahagian D Rangka Kerja Modal Berasas-Risiko ("Rangka Kerja RBC") yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") untuk pihak-pihak penginsurans.

## Modal Saham

Tiada terdapat sebarang terbitan saham oleh Syarikat sepanjang tahun kewangan.

## Lain-lain Informasi Berkanun

- (a) Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:
- (i) untuk memastikan bahawa tindakan yang wajar telah diambil berkaitan dengan penghapusan hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu, dan berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang secukupnya telah dibuat untuk hutang ragu; dan
  - (ii) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang tidak mungkin direalisasikan pada nilai seperti yang ditunjukkan di dalam rekod melalui urusan biasa perniagaan, telah dikurangkan nilainya kepada jumlah yang dijangka dapat direalisasikan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan yang boleh menyebabkan:
- (i) jumlah yang dihapus kira sebagai hutang lapuk atau jumlah yang diperuntukkan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi dengan perbezaan yang ketara; dan
  - (ii) nilai-nilai yang berhubungkait dengan aset semasa dalam penyata kewangan Syarikat itu mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan yang boleh menyebabkan kaedah penilaian aset dan liabiliti Syarikat mengelirukan atau tidak bersesuaian.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan, yang tidak diambil kira di dalam laporan ini atau penyata kewangan Syarikat, yang mungkin menyebabkan kekeliruan dalam mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan.

## Laporan para pengarah (sambungan)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

### Lain-lain Informasi Berkanun (sambungan)

(e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- (i) sebarang cagaran ke atas aset Syarikat yang telah timbul sejak berakhirnya tempoh kewangan yang menjamin liabiliti pihak-pihak lain; atau
- (ii) sebarang liabiliti luar jangka yang melibatkan Syarikat sejak berakhirnya tempoh kewangan.

(f) Pada pendapat para Pengarah:

- (i) Tiada sebarang liabiliti luar jangka atau lain-lain liabiliti yang telah berkuatkuasa, atau mungkin akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan yang, pada pendapat para pengarah, akan atau pada dasarnya mungkin menjejaskan keupayaan Syarikat untuk menunaikan segala kewajipan apabila tiba masanya; dan
- (ii) tiada sebarang perkara, urusan atau kejadian penting dan luar biasa yang berbangkit pada jangka waktu diantara tarikh akhir tempoh kewangan dan tarikh laporan ini yang boleh menjejaskan dengan ketara hasil operasi Syarikat untuk tempoh kewangan laporan ini.

Untuk tujuan perenggan (e) dan (f), liabiliti luar jangka dan lain-lain liabiliti tidak termasuk liabiliti yang diwujudkan daripada kontrak-kontrak penanggungan insurans dalam urusan biasa Syarikat.

(g) Sebelum penyata kewangan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil segala langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa wujudnya peruntukan yang memadai bagi liabiliti insurans menurut kaedah-kaedah penilaian yang dinyatakan dalam Rangka Kerja RBC bagi pihak-pihak penginsurans yang dikeluarkan oleh BNM.

### Urustadbir Korporat

Syarikat telah mematuhi segala syarat preskripsi dan menerap amalan pengurusan yang selaras dengan prinsip-prinsip yang termaktub di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA") dan Garis Panduan Bank Negara Malaysia ("BNM") khususnya BNM/RH/PD\_029-9 tentang Urustadbir Korporat.

Syarikat dan para pengarah komited untuk memastikan pengamalan piawaian tertinggi dalam aspek urustadbir korporat. Sesungguhnya, penyepaduan merupakan nilai asas perniagaan yang diterap dan disemai-subur dalam segenap aktiviti-aktiviti Syarikat.

#### (a) Tanggungjawab dan Jangkauan Prihatin Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah merangkumi empat orang pengarah, yang diwakili tiga pengarah bebas (termasuk pengerusi), dan seorang pengarah eksekutif. Para pengarah telah bermesyuarat sebanyak enam kali sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 dan enam mesyuarat telah dijadualkan bagi tahun 2019, mesyuarat tambahan boleh diadakan sekiranya perlu untuk berbuat demikian.

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas keseluruhan aspek urustadbir korporat Syarikat dan komited untuk memastikan bahawa piawaian tertinggi dipertahankan dan mematuhi Akta, Peraturan dan Garispanduan yang ditetapkan. Para pengarah membawa masuk ke Lembaga Pengarah pelbagai pengalaman bidang perniagaan dan kewangan serta menyertai sepenuhnya dalam segala keputusan berhubung isu-isu utama yang dihadapi oleh Syarikat.

#### (b) Jawatankuasa

Lembaga Pengarah disokong oleh beberapa buah jawatankuasa yang terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah. Jawatankuasa utama Lembaga Pengarah ialah Jawatankuasa Audit, Pencilonan, Ganjaran dan Jawatankuasa Risiko dan Modal.

Keahlian jawatankuasa ditinjau sekurang-kurangnya sekali setahun dan Jawatankuasa tersebut bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan untuk mengurus hal-hal yang dirujuk oleh Lembaga Pengarah dan kehadiran ahli Jawatankuasa di mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa dinyatakan dalam jadual kehadiran mesyuarat laporan ini pada muka surat 18.

- (i) Jawatankuasa Audit  
Keahlian Jawatankuasa Audit merangkumi tiga orang pengarah bebas. Ahli semasa Jawatankuasa Audit ialah Dato' Tan Ang Meng (Pengerusi), Dato' Koh Hong Sun dan Arunothayam Rajaratnam.

Jawatankuasa Audit beroperasi di bawah terma rujukan bertulis yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan peranan Jawatankuasa ialah menyelia dan meningkatkan kredibiliti proses pelaporan kewangan Syarikat serta menentukan bahawa segala dasar tatacara dan semua garispanduan berkanun dan bukan-berkanun dipatuhi.

Terdapat tatacara formal bagi juruaudit dalaman dan luaran untuk melaporkan rumusan dan pengesyoran kepada pihak pengurusan dan kepada Jawatankuasa Audit. Semua aspek sistem kawalan dalaman adalah tertakluk kepada tinjauan semula untuk menentukan kecukupan dan keberkesanannya.

(ii) Jawatankuasa Pencalonan

Keahlian Jawatankuasa Pencalonan terdiri daripada tiga orang pengarah bebas bukan eksekutif, dan seorang pengarah eksekutif. Ahli semasa jawatankuasa ialah Dato' Tan Ang Meng (Pengerusi), Dato' Koh Hong Sun, Arunothayam Rajaratnam dan Ngoi Siew Cheng Adeline. Jawatankuasa Pencalonan beroperasi di bawah terma rujukan bertulis yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah, sambil mengambilkira semua garispanduan yang berkaitan dari Bank Negara Malaysia. Peranan Jawatankuasa ialah untuk menentukan keperluan minimum bagi perlantikan ahli Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan utama, termasuk menyelia komposisi, saiz dan kemahiran ahli-ahli Lembaga Pengarah dan keberkesanan masing-masing.

Jawatankuasa percaya bahawa kemahiran, pengalaman dan keunggulan para pengarah menjadi tunjang kepada kecekapan perjalanan operasi perniagaan.

(iii) Jawatankuasa Ganjaran

Keahlian Jawatankuasa Ganjaran terdiri daripada tiga orang pengarah bebas bukan eksekutif. Ahli semasa Jawatankuasa Ganjaran ialah Arunothayam Rajaratnam (Pengerusi), Dato' Koh Hong Sun dan Dato' Tan Ang Meng.

Jawatankuasa Ganjaran beroperasi di bawah terma rujukan bertulis yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan bertanggungjawab merangka polisi ganjaran Syarikat bagi para pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan utama. Jawatankuasa ini mempertimbangkan pengesyoran dari pihak pengurusan dan menyediakan pengesyoran spesifik tentang pakej ganjaran dan lain-lain terma perjawatan untuk pengarah eksekutif dan bukan eksekutif, pengurusan kanan serta pembangunan kakitangan demi menentukan kakitangan yang berkualiti terus kekal berkhidmat dengan Syarikat.

(iv) Jawatankuasa Risiko dan Modal

Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Modal terdiri daripada tiga orang pengarah bebas bukan eksekutif. Ahli semasa Jawatankuasa Risiko dan Modal ialah Arunothayam Rajaratnam (Pengerusi), Dato' Koh Hong Sun dan Dato' Tan Ang Meng.

Jawatankuasa Risiko dan Modal beroperasi di bawah terma rujukan bertulis yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dan bertanggungjawab menyelia aktiviti-aktiviti pengurusan kanan dalam mengurus bidang risiko utama Syarikat.

Syarikat telah mengasaskan kawalan dalaman untuk mengurus risiko di bidang utama pendedahan berhubungkait dengan perniagaannya dan Jawatankuasa mempunyai suatu rangka kerja pengurusan risiko yang digunakan untuk mengenalpasti bidang risiko perniagaan utama dan seterusnya mengurus risiko sedemikian dengan segera. Sistem-sistem direka sedemikian rupa agar menawarkan jaminan yang munasabah bahawa aset Syarikat adalah terpelihara, dan pendedahan risiko insurans adalah dalam lingkungan yang dikehendaki, insurans semula adalah memadai dan pihak-pihak balas adalah tertakluk kepada taksiran sekuriti.

Skop kawalan dalaman bukan hanya meliputi kawalan kewangan tetapi juga kawalan operasi dan pematuan serta pengurusan risiko. Sistem tersebut bertujuan untuk menyediakan jaminan yang munasabah, tetapi bukannya jaminan mutlak, terhadap salah-kenyataan kewangan atau kerugian material.

Jawatankuasa berfungsi untuk mengesyor dan Lembaga Pengarah pula meluluskan Strategi Pengurusan Risiko dan Strategi Pengurusan Insurans Semula atas dasar tahunan dan bertanggungjawab kepada para pemegang saham berhubung prestasi Syarikat, dan dengan itu, memenuhi peranan penting dalam mengasas dan menyelenggara suatu strategi pengurusan risiko yang berkesan.

**(c) Kebertanggungjawaban Pengurusan**

Syarikat memiliki struktur organisasi yang didokumenkan dan terkini yang memaparkan segala jaringan pelaporan di samping perihalan tugas yang didokumentasi secara jelas bagi kakitangan pengurusan dan eksekutif.

Satu proses formal bagi membangun dan mengawalselia matlamat individu atas dasar perundingan sememangnya diamalkan bagi tujuan penilaian prestasi kakitangan demi menentukan bahawa setiap matlamat adalah selaras dengan objektif dan tanggungjawab korporat Syarikat.

**(d) Kebertanggungjawaban Awam**

Syarikat sentiasa berusaha untuk menentukan bahawa perniagaannya dijalankan secara saksama, jujur dan profesional.

**(e) Kebebasan Korporat**

Segala urusan pihak berkaitan telah dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

## Laporan para pengarah (sambungan)

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

### Urustadbir Korporat (sambungan)

#### (f) Pelaporan Kewangan

Para pengarah bertanggungjawab untuk memastikan bahawa rekod perakaunan diselenggara dengan sempurna dan bahawa penyata kewangan Syarikat disediakan menurut Piawaian Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan syarat-syarat Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan menerima laporan kewangan dan pengurusan dari masa ke semasa bagi membolehkan mereka mengawalselia secara berkesan prestasi kewangan dan halatujua Syarikat berhubung dengan objektif dan tanggungjawab korporat.

### Mesyuarat Pengarah

Bilangan Mesyuarat Diadakan	Mesyuarat Jawatankuasa				
	Mesyuarat Penuh Para Pengarah	Audit	Pencalonan	Ganjaran	Risiko & Modal
	Jumlah Dihadiri	Jumlah Dihadiri	Jumlah Dihadiri	Jumlah Dihadiri	Jumlah Dihadiri
Dato' Koh Hong Sun	6	6	3	3	6
Dato' Tan Ang Meng	6	6	3	3	6
Arunothayam Rajaratnam	6	6	3	3	6
Ngoi Siew Cheng Adeline (Dilantik pada 15 Mei 2018)	4	5	2	1	4
Mark Thomas Lingafelter (Letak jawatan pada 15 Mei 2018)	2	1	1	2	2

### Para pengarah dan kepentingan mereka dalam saham-saham

- (a) Para pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lalu ialah:  
Dato' Koh Hong Sun  
Dato' Tan Ang Meng  
Arunothayam Rajaratnam  
Ngoi Siew Cheng Adeline (Dilantik pada 15 Mei 2018)  
Mark Thomas Lingafelter (Letak jawatan pada 15 Mei 2018)
- (b) Menurut Artikel 63 Tataurusian Pertubuhan Syarikat, Dato' Tan Ang Meng bersara mengikut giliran pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dan kerana layak, menawarkan diri sendiri untuk dilantik semula.
- (c) Menurut Artikel 68 Tataurusian Pertubuhan Syarikat, Ngoi Siew Cheng Adeline yang telah dilantik pada tahun kewangan, akan bersara di Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang dan oleh sebab layak, menawarkan diri sendiri untuk dilantik semula.
- (d) Menurut Daftar Pemegangan Saham Pengarah yang disyaratkan untuk disimpan di bawah Seksyen 59 Akta Syarikat 2016, kepentingan para Pengarah yang memegang jawatan di hujung kewangan di dalam Syarikat atau syarikat induknya atau subsidiari-subsidiari syarikat induknya pada tahun kewangan adalah seperti berikut:

Saham-saham dalam QBE Insurance Group Limited	-- Bilangan saham-saham biasa A\$1 sesaham --			
	Pada 1.1.2018 / Pada tarikh pelantikan	Dibeli	Terhapus	Pada 31.12.2018
Ngoi Siew Cheng Adeline	4,001	3,755	-	7,756

#### Hak ke atas saham dalam QBE Insurance Group Limited yang diberi kepada para pengarah

	-- Bilangan saham hak berbanding saham-saham biasa A\$1 sesaham --			
	Pada 1.1.2018 / Pada tarikh pelantikan	Ditawarkan	Terhapus	Pada 31.12.2018
Ngoi Siew Cheng Adeline	4,664	26	(3,571)	1,119

- (e) Selain daripada yang dinyatakan di atas, tiada seorang pun pengarah lain yang memegang jawatan hingga hujung tahun kewangan mempunyai sebarang kepentingan dalam saham atau debentur Syarikat atau perbadanan yang berkaitan sepanjang tahun kewangan.

### Ganjaran Pengarah

Perincian bagi ganjaran Pengarah adalah dibentangkan di Nota 17 kepada penyata kewangan.

### Indemniti kepada Para Pengarah dan Pegawai

Semasa tahun kewangan, jumlah perlindungan indemniti dan premium insurans yang dibayar untuk para Pengarah dan pegawai-pegawai tertentu Syarikat ialah RM17,773.

### Ganjaran-Ganjaran Para Pengarah

Sepanjang dan di hujung tahun kewangan, tiada wujud sebarang perkiraan dalam mana Syarikat menjadi satu pihak dengan objek atau objek-objek yang membolehkan para pengarah Syarikat memperoleh faedah secara pemerolehan saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat yang lain, selain opsyen dan hak yang diberi atas saham-saham perbadanan induk muktamad seperti yang dinyatakan dalam laporan ini.

Sejak akhir tempoh kewangan yang lalu, tiada pengarah Syarikat yang telah menerima atau berhak untuk menerima sebarang ganjaran (selain daripada ganjaran meliputi jumlah agregat yuran dan lain-lain emolumen yang diterima atau berhak diterima oleh para pengarah yang dinyatakan dalam Nota 17 penyata kewangan) hasil dari kontrak yang dibuat oleh Syarikat ataupun syarikat yang berkaitan dengan pengarah atau firma yang mana pengarah tersebut adalah seorang ahli atau dengan syarikat di mana pengarah tersebut mempunyai kepentingan kewangan yang ketara, melainkan bahawa sesetengah pengarah telah menerima ganjaran dari syarikat induk muktamad dan lain-lain perbadanan yang berkaitan.

### Skim Opsyen Saham

Tiada Skim Opsyen Saham ditawarkan pada tahun kewangan.

### Syarikat Induk Muktamad

Para pengarah menganggap bahawa QBE Insurance Group Limited, sebuah syarikat yang diperbadankan di Australia, sebagai syarikat induk muktamad.

### Pejabat Berdaftar dan Tempat Urusan Perniagaan Utama

Pejabat berdaftar dan tempat urusan perniagaan utama Syarikat adalah terletak di No. 638, Aras 6 Blok B1, Pusat Dagang Setia Jaya (Leisure Commerce Square), No 9 Jalan PJS 8/9, 46150 Petaling Jaya, Selangor.

### Ganjaran Juruaudit

Perincian tentang ganjaran juruaudit dibentangkan dalam Nota 16 kepada penyata kewangan.

Tiada indemniti diberi atau insurans diambil untuk juruaudit Syarikat sepanjang tahun kewangan.

### Juruaudit

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers PLT (LLP0014401-LCA & AF 1146), telah menyatakan kesanggupannya untuk menerima perlantikan semula sebagai juruaudit.

Laporan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 11 Februari 2019. Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



Dato' Koh Hong Sun  
Pengarah

Petaling Jaya



Ngoi Siew Cheng Adeline  
Pengarah

## Penyata para pengarah

MENURUT SEKSYEN 251 (2) AKTA SYARIKAT 2016

Kami, Dato' Koh Hong Sun dan Ngoi Siew Cheng Adeline, dua orang daripada para Pengarah QBE Insurance (Malaysia) Berhad, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang mengiringi laporan ini yang dibentangkan di halaman 23 hingga 59 telah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama bagi kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan syarat-syarat dalam Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak para pengarah mengikut resolusi mereka pada 11 Februari 2019.



Dato' Koh Hong Sun  
Pengarah

Petaling Jaya




Ngoi Siew Cheng Adeline  
Pengarah

## Akuan berkanun

MENURUT SEKSYEN 251 (1) AKTA SYARIKAT 2016


Saya, Muhammad Ikram Bin Kamarudin, pegawai yang bertanggungjawab khusus bagi pengurusan kewangan QBE Insurance (Malaysia) Berhad, dengan sesungguhnya dan dengan ikhlas mengisytiharkan bahawa penyata kewangan yang dibentangkan di halaman 23 hingga 59 adalah, mengikut pengetahuan dan kepercayaan terbaik saya, betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya adalah benar, dan menurut peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam Akta Akuan Berkanun, 1960.



Muhammad Ikram Kamarudin

Ditandatangani dan diisytiharkan oleh Muhammad Ikram Kamarudin di Selangor Darul Ehsan pada 11 Februari 2019.

Di hadapan saya,



Alamat tempat perniagaan  
No. 513, Block A3, Pusat Dagang Setia Jaya  
No. 9, Jalan PJS 8/9, 46150 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI

**QBE Insurance (Malaysia) Berhad**

(Diperbadankan di Malaysia)

(Company No. 161086-D)

**LAPORAN AUDIT PENYATA KEWANGAN**Pendapat kami

Pada pendapat kami, penyata kewangan QBE Insurance (Malaysia) Berhad ("Syarikat") memberi gambaran yang benar dan saksama bagi kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2018, dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan syarat-syarat yang termaktub dalam Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Apa yang telah kami audit

Kami telah mengaudit penyata kewangan Syarikat, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2018, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran wang tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan bagi dasar-dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan di halaman 23 hingga 59.

Asas penentuan pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut diperihalkan dengan lebih lanjut di bahagian "Tanggungjawab Juruaudit untuk pengauditan penyata kewangan" dalam laporan kami.

Kami percaya bahawa bukti audit yang telah kami perolehi adalah memadai dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat yang kami bentangkan.

Kebebasan dan lain-lain tanggungjawab beretika

Kami mempunyai taraf bebas daripada Syarikat menurut Undang-undang Kecil (Tentang Etika Profesional, Tatalaku dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Kod Etika Akauntan Profesional Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika kami mengikut apa yang termaktub dalam Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain penyata kewangan dan laporan juruaudit yang berkenaan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab bagi lain-lain maklumat yang berkenaan. Lain-lain maklumat itu merangkumi Laporan Pengarah, yang telah kami perolehi sebelum tarikh laporan juruaudit ini, dan Penyata Pengarah, yang dijangka akan diserahkan kepada kami selepas tarikh tersebut. Lain-lain maklumat tidak mencakupi penyata kewangan Syarikat dan laporan juruaudit kami yang berkenaan.

Pendapat kami tentang penyata-penyata kewangan Syarikat tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak menyimpulkan sebarang jaminan keatasnya.

Berhubung audit yang kami lakukan pada penyata-penyata kewangan Syarikat, tanggungjawab kami ialah untuk membaca lain-lain maklumat dan, dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada lain-lain maklumat itu adalah tidak selaras secara material dengan penyata-penyata kewangan Syarikat atau pengetahuan yang kami perolehi dalam audit atau sebaliknya didapati tersalahnyata secara material.

Sekiranya, berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami merumuskan bahawa wujud salahnyata yang material berhubung lain-lain maklumat itu, maka kami perlu melaporkan fakta yang berkenaan. Berhubung perkara ini kami tidak mempunyai apa-apa yang perlu dilaporkan.

Tanggungjawab Para Pengarah bagi penyata-penyata kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab bagi penyediaan penyata-penyata kewangan Syarikat yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan syarat-syarat dalam Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab bagi kawalan dalaman yang sedemikian seperti yang ditentukan oleh para Pengarah sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata-penyata kewangan Syarikat yang bebas daripada salahnyata material, sama ada yang berpunca daripada fraud mahupun ralat.

Dalam penyediaan penyata-penyata kewangan Syarikat, para Pengarah bertanggungjawab menaksir keupayaan Syarikat untuk terus beroperasi, mendedahkan, seperti yang berkaitan, perkara-perkara yang berhubungkait dengan keberterusan dan menggunakan asas perakaunan keberterusan melainkan para Pengarah, sama ada berhasrat untuk membubarkan Syarikat atau menghentikan operasi Syarikat, atau tidak mempunyai alternatif realistik lain melainkan bertindak sedemikian.

Tanggungjawab juruaudit untuk mengaudit penyata-penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi satu jaminan yang munasabah tentang sama ada penyata-penyata kewangan Syarikat secara keseluruhannya adalah bebas daripada salahnyata material, sama ada yang berpunca daripada fraud mahupun ralat, dan untuk mengeluarkan satu laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan munasabah adalah suatu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan merupakan jaminan bahawa audit yang dijalankan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa berjaya mengesan sesuatu salahnyata material bila ianya wujud. Salahnyata boleh wujud akibat fraud atau ralat dan disifatkan material jika, secara individu atau dalam agregat, ianya boleh secara munasabahnya dijangka mempengaruhi keputusan-keputusan ekonomi di pihak pengguna yang dibuat berdasarkan penyata-penyata kewangan ini.



## LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI

**QBE Insurance (Malaysia) Berhad** (sambungan)

(Diperbadankan di Malaysia)

(Company No. 161086-D)

**LAPORAN AUDIT PENYATA KEWANGAN** (sambungan)Tanggungjawab juruaudit untuk mengaudit penyata-penyata kewangan (sambungan)

Sebagai sebahagian daripada audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mengamalkan penghakiman profesional dan skeptisisme profesional di keseluruhan audit. Kami juga:

- (a) Mengenalpasti dan menaksir risiko salahnyata material dalam penyata-penyata kewangan Syarikat, sama ada yang berpunca daripada fraud mahupun ralat, merekabentuk dan menjalankan tatacara pengauditan yang responsif terhadap risiko-risiko berkenaan, dan memperolehi bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan sebagai asas bagi pendapat yang kami bentangkan. Risiko kegagalan mengesan salahnyata material yang berpunca daripada fraud adalah lebih tinggi berbanding salahnyata material akibat ralat disebabkan perlakuan fraud boleh melibatkan subahat, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, salah representasi atau langkauan kawalan dalaman.
- (b) Memperolehi suatu pemahaman tentang kawalan dalaman yang relevan dengan audit supaya dapat merekabentuk tatacara audit yang bersesuaian mengikut keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman Syarikat.
- (c) Menilai kebersesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para pengarah.
- (d) Membuat rumusan tentang kebersesuaian penggunaan asas keberterusan perakaunan oleh para Pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujud ketidakpastian yang material berhubung peristiwa-peristiwa atau keadaan-keadaan yang boleh menyebabkan keupayaan keberterusan Syarikat diragui. Jika kami rumuskan bahawa wujud suatu ketidakpastian yang material, kami perlu menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami berhubung pendedahan yang berkaitan dalam penyata-penyata kewangan Syarikat atau, sekiranya pendedahan sedemikian adalah tidak memadai, untuk mengubahsuai pendapat kami. Rumusan kami adalah dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa-peristiwa atau keadaan-keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Syarikat memberhentikan keberterusan operasinya.
- (e) Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata-penyata kewangan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata-penyata kewangan itu mewakili transaksi dan peristiwa-peristiwa tahanan bahawan dalam satu cara yang membuatkan wujudnya suatu pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan para Pengarah berhubung, antara lain perkara, seperti skop terancang dan pemeasaan audit serta penemuan audit yang penting, termasuk sebarang kepincangan penting dalam kawalan dalaman yang kami kenalpasti sewaktu kami menjalankan audit.

**LAIN-LAIN HAL**

Laporan ini disediakan untuk ahli-ahli syarikat sahaja, sebagai satu perbadanan, menurut Seksyen 266 Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain terhadap kandungan laporan ini.



PricewaterhouseCoopers PLT  
LLP0014401-LCA & AF 1146  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur  
11 Februari 2019



Wong Hui Chern  
03252/05/2020 J  
Akauntan Bertauliah

# Penyata kedudukan kewangan

Pada 31 Disember 2018

	NOTA	2018 RM	2017 RM
<b>Aset</b>			
Hartanah dan peralatan	3	8,934,107	9,421,410
Aset-aset tidak ketara	4	3,810,275	5,817,726
Pelaburan	5	497,636,145	421,886,568
Nilai saksama melalui untung atau rugi		7,072,656	46,445,835
Pinjaman dan penghutang		490,563,489	375,440,733
Aset insurans semula	10	90,729,018	144,471,705
Penghutang insurans	6	95,144,897	136,388,855
Lain-lain penghutang	7	61,964,391	66,492,236
Aset cukai tertunda	11	5,218,828	2,816,798
Cukai dipulih		-	1,003,050
Tunai dan baki di bank		8,637,281	267,604
<b>Jumlah aset</b>		<b>772,074,942</b>	<b>788,565,952</b>
<b>Liabiliti</b>			
Liabiliti kontrak insurans	10	451,592,214	554,210,783
Pemiutang insurans	12	34,277,393	30,219,276
Cukai perlu dibayar		1,868,503	-
Lain-lain pemiutang	13	84,393,393	25,812,032
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>572,131,503</b>	<b>610,242,091</b>
<b>Ekuiti pemegang saham</b>			
Modal saham	8	108,000,000	108,000,000
Perolehan tertahan	9	91,943,439	70,323,861
		199,943,439	178,323,861
<b>Jumlah liabiliti dan ekuiti pemegang saham</b>		<b>772,074,942</b>	<b>788,565,952</b>

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian daripada ikatan penyata kewangan ini.

# Penyata pendapatan komprehensif

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2018

	NOTA	2018 RM	2017 RM
Premium terperoleh kasar	14(a)	335,797,536	360,197,790
Premium kepada penginsurans	14(b)	(109,422,153)	(67,039,994)
<b>Premium terperoleh bersih</b>		226,375,383	293,157,796
Pendapatan pelaburan	15	20,086,887	18,845,720
Keuntungan/(kerugian) di atas penjualan hartanah, loji dan kelengkapan		9,273	(81,692)
Keuntungan/(kerugian) daripada pelupusan hartanah pelaburan		364,100	(324,200)
Gandaan (kerugian)/keuntungan tidak terealis atas pelaburan	5	(348,690)	681,350
Pendapatan komisyen insurans semula		21,711,914	7,522,084
Lain-lain hasil perbelanjaan operasi		(39,072)	(79,266)
<b>Jumlah hasil pendapatan</b>		268,159,795	319,721,792
Tuntutan kasar dibayar		(199,267,453)	(158,919,210)
Pemulihan tuntutan daripada penginsurans semula		61,808,662	18,680,403
Perubahan kasar pada liabiliti kontrak		58,533,793	(136,946,788)
Perubahan dalam liabiliti kontrak pada penginsurans semula		(51,793,941)	115,086,902
<b>Tuntutan bersih</b>		(130,718,939)	(162,098,693)
Yuran dan perbelanjaan komisyen		(48,838,211)	(65,189,756)
Perbelanjaan pengurusan	16	(58,010,729)	(63,901,209)
<b>Lain-lain perbelanjaan</b>		(106,848,940)	(129,090,965)
<b>Keuntungan sebelum cukai</b>		30,591,916	28,532,134
Percukaian	18	(8,972,338)	(7,801,150)
<b>Keuntungan bersih dan jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun ini</b>		21,619,578	20,730,984
Pendapatan sesaham (sen)	19	10.01	9.60

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian daripada ikatan penyata kewangan ini.

# Penyata perubahan dalam ekuiti

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2018

	MODAL SAHAM	PEROLEHAN TERTAHAN	JUMLAH
NOTA	RM	BOLEH DIAGIH RM	RM
<b>Pada 1 Januari 2017</b>	108,000,000	69,097,395	177,097,395
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	20,730,984	20,730,984
Dividen dibayar	20	(19,504,518)	(19,504,518)
<b>Pada 31 Disember 2017</b>	108,000,000	70,323,861	178,323,861
<b>Pada 1 Januari 2018</b>	108,000,000	70,323,861	178,323,861
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	21,619,578	21,619,578
<b>Pada 31 Disember 2018</b>	108,000,000	91,943,439	199,943,439

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian daripada ikatan penyata kewangan ini.

# Penyata aliran tunai

Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2018

	2018 RM	2017 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI OPERASI</b>		
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	21,619,578	20,730,984
Pelarasan untuk:-		
Susutnilai daripada hartanah dan peralatan	1,674,821	1,611,167
Pelunasan aset-aset tidak ketara	2,007,451	1,738,910
Pembalikan penjejasan pada hartanah diduduki sendiri	-	(5,032)
(Keuntungan)/kerugian daripada pelupusan hartanah dan peralatan	(9,273)	81,692
(Keuntungan)/kerugian daripada pelupusan pelaburan	(364,100)	324,200
Gandaan kerugian/(keuntungan) tidak terealis atas pelaburan	348,690	(681,350)
Elaun penjejasan ke atas penghutang insurans	382,552	750,134
Pendapatan faedah	(20,086,887)	(18,845,720)
Cukai	8,972,338	7,801,150
<b>Keuntungan dari operasi sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti operasi</b>	14,545,170	13,506,135
Perolehan daripada perlupusan pelaburan FVTPL	39,269,100	80,216,000
Pembelian pelaburan FVTPL	-	(25,909,000)
Peningkatan dalam pelaburan LAR	(113,000,000)	(73,000,000)
(Kurangan)/peningkatan dalam liabiliti premium	(42,136,030)	8,622,784
(Kurangan)/peningkatan dalam liabiliti tuntutan	(6,739,852)	21,859,886
Kurangan/(peningkatan) dalam penghutang insurans	40,861,406	(9,440,376)
Peningkatan dalam lain-lain penghutang	4,527,845	1,976,486
Peningkatan/(kurangan) dalam pemiutang insurans	4,058,117	(6,604,439)
Peningkatan dalam lain-lain pemiutang	58,581,361	672,936
Cukai pendapatan dibayar	(8,502,815)	(8,363,894)
Pendapatan faedah diterima	18,083,620	19,249,898
<b>Wang tunai bersih daripada aktiviti-aktiviti operasi</b>	9,547,922	22,786,416
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI-AKTIVITI PELABURAN</b>		
Perolehan dari pelupusan hartanah dan peralatan	114,000	51,408
Pembelian hartanah dan peralatan	(1,292,245)	(1,239,606)
Pembelian aset-aset tidak ketara	-	(2,036,495)
<b>Wang tunai bersih digunakan dalam aktiviti-aktiviti pelaburan</b>	(1,178,245)	(3,224,693)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>		
Dividen dibayar	-	(19,504,518)
<b>Wang tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan</b>	-	(19,504,518)
Pergerakan bersih dalam wang tunai dan setaraan tunai	8,369,677	57,205
Wang tunai dan setaraan tunai pada 1 Januari	267,604	210,399
<b>Wang tunai dan setaraan tunai pada 31 Disember</b>	<b>8,637,281</b>	<b>267,604</b>

Nota-nota yang mengiringi adalah sebahagian daripada ikatan penyata kewangan ini.

# Nota-nota kepada penyata kewangan

## 1. Aktiviti utama

Syarikat, iaitu sebuah syarikat berhad awam yang diperbadankan dan penempatan di Malaysia, terlibat dalam perniagaan sebagai penanggung semua kelas insurans am. Sepanjang tahun kewangan, tiada sebarang perubahan besar dalam jenis aktiviti ini.

## 2. Dasar-dasar penting perakaunan

Kecuali dinyatakan selainnya, dasar-dasar perakaunan yang disenaraikan di bawah adalah selaras dalam menangani butir-butir yang dianggap penting dari segi penyata kewangan.

### 2.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut peruntukan Piawaian Pelaporan Kewangan, iaitu Piawaian Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan syarat-syarat Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Penyata kewangan Syarikat telah juga disediakan atas dasar kos bersejarah, kecuali suratcara kewangan yang telah ditentukan pada nilai saksama masing-masing dan liabiliti insurans menurut kaedah penilaian yang ditentukan dalam Rangka Kerja RBC bagi pengisurans yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Syarikat telah memenuhi syarat-syarat modal minimum seperti yang ditetapkan oleh Rangka Kerja RBC pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Penyediaan penyata kewangan menurut MFRS memerlukan penggunaan perakaunan kritikal tertentu anggaran dan andaian yang mempengaruhi amaun aset dan liabiliti yang dilaporkan serta pendedahan aset dan liabiliti luarjangka pada tarikh penyata kewangan tersebut, dan amaun hasil pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan sepanjang tahun kewangan. Para Pengarah juga diperlukan melaksana pertimbangan masing-masing dalam proses menerimapiakai dasar-dasar perakaunan Syarikat. Sungguhpun anggaran ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik para pengarah berhubung peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada nilai-nilai anggaran.

Bidang yang melibatkan darjah pertimbangan atau kompleksiti yang lebih tinggi di mana andaian dan anggaran yang dibuat itu adalah penting kepada penyata-penyata kewangan adalah dibentangkan di nota 2.3 kepada penyata kewangan.

#### (a) Piawaian, pindaan kepada piawaian dan tafsiran tersiar yang berkuatkuasa

Sebilangan piawaian baharu dan pindaan kepada piawaian dan pentafsiran telah berkuatkuasa bagi tahun kewangan bermula 1 Januari 2018. Syarikat telah menggunakan piawaian-piawaian baharu dan piawaian pindaan serta pentafsiran berikut bagi tahun kewangan semasa:

- MFRS 15 'Hasil Pendapatan dari Kontrak dengan Pelanggan'

MFRS 15 menggantikan panduan dalam MFRS 111 'Kontrak Pembinaan', MFRS 118 'Hasil Pendapatan', IC Pentafsiran 13 'Program Kesetiaan Pelanggan', IC Pentafsiran 15 'Perjanjian bagi Pembinaan Harta Tanah', IC Pentafsiran 18 'Pindahan Aset daripada Pelanggan' dan IC Pentafsiran 131 'Hasil Pendapatan - Urusniaga Barter Melibatkan Perkhidmatan Pengiklanan'. MFRS 15 menyediakan satu model tunggal bagi menangani hasil pendapatan dari kontrak-kontrak dengan para pelanggan, dengan memberi tumpuan pada pengenalpastian dan kepuasan obligasi pelanggan. Piawaian ini menyatakan bahawa hasil pendapatan perlu diiktiraf apabila kawalan ke atas barangan atau perkhidmatan dipindahkan kepada pelanggan, berganjak dari pindahan risiko dan ganjaran.

Penerapan pindaan-pindaan ini tidak memberi sebarang kesan material pada tempoh semasa atau mana-mana penyata kewangan Syarikat bagi tempoh sebelumnya disebabkan sumber utama aliran hasil pendapatan Syarikat adalah dari kontrak insurans dan hasil pendapatan pelaburan yang berada di luar skop Piawaian ini.

- Pindaan kepada MFRS 4 - Menggunakan MFRS 9 'Suratcara Kewangan' dengan MFRS 4 'Kontrak Insurans' (berkuatkuasa bagi tempoh-tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018).

Pindaan-pindaan tersebut membolehkan entiti-entiti mengelak kemaruhan sementara dalam keuntungan atau kerugian yang mungkin berpunca daripada penggunapakaian "Suratcara Kewangan" MFRS 9 sebelum piawaian kontrak insurans baharu yang bakal dikuatkuasakan. Ini adalah kerana beberapa aset kewangan tertentu perlu diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian di bawah MFRS 9; manakala, di bawah MFRS 'Kontrak Insurans', liabiliti yang berkaitan daripada kontrak insurans sering diukur atas dasar kos terlunas.

Pindaan-pindaan tersebut memberi 2 pendekatan yang berbeza kepada entiti-entiti: (i) pengecualian sementara dari MFRS 9 untuk entiti-entiti yang memenuhi syarat-syarat tertentu, dan (ii) pendekatan tindihan. Kedua-dua pendekatan ini adalah bersifat tidak wajib.

Pengecualian sementara ini membolehkan entiti-entiti berkecualan menunda tarikh pelaksanaan MFRS 9 untuk tempoh-tempoh tahunan bermula seawal-lewatnya sebelum 1 Januari 2021. Sesebuah entiti boleh memohon untuk pengecualian sementara dari MFRS 9 sekiranya aktiviti-aktivitinya adalah terutamanya berhubungkait dengan insurans manakala pendekatan tindihan pula membolehkan sesebuah entiti untuk membuat pelarasan pada keuntungan atau kerugian bagi aset-aset kewangan yang berkecualan dengan menyingkirkan sebarang kemaruhan perakaunan kepada lain-lain pendapatan komprehensif yang mungkin berpunca dari penggunapakaian MFRS 9.

Sesebuah entiti boleh memohon untuk pengecualian sementara dari MFRS 9 dari tempoh-tempoh tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2018. Sesebuah entiti boleh mula menggunakan pendekatan tindihan apabila ianya menggunakan MFRS 9 buat julung-julung kalinya.

Aktiviti perniagaan utama syarikat adalah insurans, dan justeru itu, layak menggunakan pendekatan pengecualian sementara. Seterusnya, pihak pengurusan telah mengambil keputusan untuk menggunakan pengecualian sementara dari MFRS 9 bagi tempoh tahunan yang bermula pada 1 Januari 2018 dan akan menerapkan MFRS 9 bagi tempoh tahunannya bermula 1 Januari 2021.

## Nota-nota kepada penyata kewangan (sambungan)

### 2. Dasar-dasar penting perakaunan (sambungan)

#### 2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

##### (a) Piawaian, pindaan kepada piawaian dan tafsiran tersiar yang berkuatkuasa (sambungan)

Pendedahan tambahan yang berikut, seperti yang diperlukan menurut Pindaan kepada MFRS 4 bagi entiti yang layak dan memilih pengecualian sementara dari menggunakan MFRS 9, mengemukakan aset-aset kewangan Syarikat mengikut pencirian aliran tunai kontraktual, yang menunjukkan sama ada ianya adalah semata-mata pembayaran untuk jumlah pokok dan faedah ke atas jumlah pokok belum terjawab ("SPPI"):

	Nilai Saksama pada 31 Disember 2018 RM	Perubahan nilai saksama RM	Pencirian aliran tunai
<b>Aset kewangan</b>			
Pelaburan (Nota 5)			
- Sekuriti Kerajaan Malaysia	7,072,656	348,690	SPPI
- Deposit di institusi kewangan	490,563,489	-	SPPI
Lain-lain penghutang	61,874,431	-	SPPI
Tunai dan baki di bank	8,637,281	-	SPPI
Jumlah aset kewangan	<u>568,147,857</u>	<u>348,690</u>	

Penghutang insurans dan aset-aset insurans semula telah dikecualikan dari penaksiran di atas disebabkan ianya akan tercakup dalam skop Kontrak Insurans MFRS 17.

Selain aset-aset kewangan yang dimasukkan ke dalam jadual di atas dan aset-aset yang tercakup dalam ruang lingkup skop MFRS 17, Kontrak Insurans, segala aset dalam penyata kedudukan kewangan adalah aset-aset bukan-kewangan.

Penerapan pindaan-pindaan ini tidak memberi sebarang kesan pada tempoh semasa atau mana-mana tempoh sebelumnya dan tidak dijangka memberi kesan kepada tempoh-tempoh yang akan datang.

Aset-aset kewangan dengan aliran tunai SPPI

Segala aset kewangan dengan aliran tunai SPPI bagi Syarikat sehingga 31 Disember 2018 mempunyai risiko kredit yang rendah dan dizahirkan dalam Nota 25 di dalam Penyata-penyata Kewangan.

- MFRS 9 'Suratcara Kewangan' (berkuatkuasa 1 Januari 2018) akan menggantikan MFRS 139 "Suratcara Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran".

MFRS 9 mengekalkan tetapi meringkaskan model pengukuran bercampur dalam MFRS 139 dan mengasaskan tiga kategori ukuran utama bagi aset

kewangan: kos terlunas, nilai saksama melalui untung atau rugi dan nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("OCI"). Asas klasifikasi adalah bergantung kepada model perniagaan entiti dan ciri-ciri aliran tunai bagi aset kewangan. Pelaburan dalam suratcara ekuiti selalunya diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi dengan opsiyen tidak-boleh-batal para peringkat penubuhan kepada perubahan semasa dalam nilai saksama OCI (dengan syarat suratcara berkenaan tidak dipegang untuk dagangan). Suratcara hutang adalah diukur pada kos terlunas hanya jika entiti memegangnya untuk memungut aliran tunai berkontrak dan aliran tunai itu mewakili jumlah pokok dan faedah.

Untuk liabiliti, piawaian mengekalkan sebahagian besar daripada syarat-syarat MFRS 139. Ini termasuklah perakaunan kos terlunas bagi kebanyakan liabiliti kewangan, dengan bifurkasi derivatif terbenam. Perubahan utama ialah di mana, dalam kes apabila opsiyen nilai saksama diambil untuk liabiliti kewangan, bahagian bagi perubahan nilai saksama disebabkan risiko kredit sendiri sesebuah entiti adalah direkodkan dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan bukannya penyata pendapatan, melainkan ini mewujudkan suatu salah-padanan perakaunan.

MFRS 9 memperkenalkan satu model kerugian kredit terjangka ke atas penjejasan yang menggantikan model penjejasan kerugian ditanggung yang digunakan dalam MFRS 139. Model kerugian kredit terjangka adalah bersifat memandang-ke hadapan dan menghapuskan keperluan untuk berlakunya suatu peristiwa pencetus sebelum kerugian kredit diiktiraf.

Kini Syarikat sedang dalam proses menaksir kesan kewangan yang mungkin terhasil daripada penggunapakaian MFRS 9 dan bercadang untuk menerap MFRS 9 bersama dengan MFRS 17 pada 1 Januari 2021.

##### (b) Piawaian-piawaian dan pindaan yang telah dikeluarkan tetapi masih belum berkuatkuasa

Sebilangan piawaian dan pindaan baharu kepada piawaian dan penafsiran telah berkuatkuasa untuk tahun kewangan bermula selepas 1 Januari 2018. Tidak satu pun yang berikut dijangka memberi kesan yang penting kepada penyata-penyata kewangan Syarikat, melainkan apa yang dibentangkan seperti berikut:

- MFRS 16 'Pajakan' (berkuatkuasa dari 1 Januari 2019) menggantikan MFRS 117 'Pajakan' dan penafsiran yang berkaitan.

Di bawah MFRS 16, pajakan adalah satu kontrak (atau sebahagian daripada kontrak) yang memberi hak untuk mengawal penggunaan sesuatu aset yang dikenalpasti untuk satu tempoh masa untuk balasan.

MFRS 16 menghapuskan klasifikasi pajakan oleh penerima pajakan sebagai sama ada sebagai pajakan kewangan (pada lembaranimbangan) atau pajakan operasi (di luar lembaranimbangan). MFRS 16 memerlukan penerima pajakan untuk mengiktiraf suatu "hak penggunaan" aset tahanan bawahan dan liabiliti pajakan mencerminkan pembayaran pajakan masa hadapan untuk kebanyakan pajakan.

Aset hak penggunaan disusutnilai mengikut prinsip yang termaktub dalam MFRS 116 'Hartanah, Loji dan Kelengkapan' dan liabiliti pajakan diekresi meliputi masa dengan belanja faedah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

Untuk Pemegang Pajakan, MFRS 16 mengekalkan kebanyakan syarat-syarat dalam MFRS 117. Pemegang Pajakan terus mengklasifikasi segala pajakan sama ada sebagai pajakan operasi atau pajakan kewangan dan mengurusnya secara berlainan.

Syarikat telah meninjau semua perkiraan pajakan Syarikat sepanjang satu tahun yang lalu sejajar dengan ketetapan peraturan pajakan baharu dalam MFRS 16. Piawaian tersebut akan memberi kesan terutamanya kepada perakaunan berhubung pajakan operasi Syarikat.

Syarikat akan menggunakan piawaian tersebut mulai tarikh mandatori penerapan iaitu pada 1 Januari 2019. Syarikat bercadang menggunakan pendekatan peralihan dipermudah dan tidak akan menyata semula amaun-amaun perbandingan bagi tahun sebelum penerapan kali pertama. Aset-aset hak-untuk-menggunakan bagi pajakan hartanah akan ditentukan berdasarkan peralihan seolah-olah peraturan-peraturan baharu telah sentiasa digunakan. Semua aset-aset hak-untuk-menggunakan yang lain akan ditentukan mengikut amaun liabiliti pajakan berikutan penerapan (dilaraskan bagi sebarang perbelanjaan pajakan pra-bayar atau terakru).

Pada tarikh pelaporan, Syarikat mempunyai komitmen pajakan operasi tidak-boleh-batal berjumlah RM2,305,413, seperti di Nota 21. Syarikat menjangka untuk mengiktiraf aset-aset hak-untuk-menggunakan berjumlah kira-kira RM2,166,377 pada 1 Januari 2019, liabiliti pjakan berjumlah RM2,166,377 (selepas pelarasan bagi pra-pembayaran dan pembayaran pajakan terakru yang diiktiraf sehingga 31 Disember 2018). Aset-aset bersih keseluruhan tidak akan terkesan, dan aset-aset semasa bersih akan lebih rendah sebanyak RM1,130,047 disebabkan pembentangan sebahagian daripada liabiliti sebagai satu liabiliti semasa.

- MFRS 17 'Kontrak Insurans' (berkuatkuasa daripada 1 Januari 2021) menggantikan MFRS 4 'Kontrak Insurans'.

MFRS 17 tergunapakai bagi kontrak-kontrak insurans yang dikeluarkan, kepada semua kontrak insurans semula dan kontrak pelaburan dengan ciri-ciri penyertaan berbentuk budi-bicara sekiranya sesebuah entiti turut mengeluarkan kontrak-kontrak insurans. Untuk kontrak-kontrak perkhidmatan yuran-tetap yang tujuan utamanya ialah penyediaan perkhidmatan, sesebuah entiti mempunyai satu pilihan bagi dasar perakaunan untuk menguruskannya menurut sama ada dengan MFRS 17 atau MFRS 15 'Hasil Pendapatan dari Kontrak dengan Pelanggan'. Sesebuah entiti dibenarkan untuk mengurus kontrak-kontrak jaminan kewangan menurut MFRS 17 sekiranya entiti itu telah menyatakan secara eksplisit bahawa ia menyifatkan kontrak-kontrak itu sebagai kontrak insurans. Kontrak Insurans, (selain insurans semula) di mana entiti adalah pemegang polisi, tidak berada dalam skop MFRS 17. Derivatif terbenam dan komponen pelaburan dan perkhidmatan yang berbeza hendaklah 'dibuka ikatannya' dan diurus secara berasingan menurut MFRS yang berkaitan. Pembukaan ikatan secara sukarela bagi lain-lain komponen adalah dilarang.

MFRS 17 berkehendakan satu model ukuran semasa di mana nilai-nilai anggaran diukur semula pada setiap tempoh pelaporan. Ukuran tersebut dibuat berdasarkan blok binaan bagi aliran tunai terwajar-kebarangkalian berdiskaun, satu pelarasan risiko dan margin perkhidmatan kontraktual ("CSM") mewakili keuntungan tidak diraih bagi kontrak. Sesebuah entiti mempunyai pilihan dasar untuk mengiktiraf kesan perubahan dalam kadar-kadar diskau dan lain-lain andaian yang berhubungkait risiko kewangan sama ada dalam keuntungan atau kerugian atau dalam lain-lain pendaptan komprehensif.

Model-model ukuran alternatif disediakan bagi perlindungan insurans yang berbeza:

- a) Pendekatan Peruntukan Premium Ringkas jika tempoh perlindungan insurans adalah satu tahun atau kurang
- b) Pendekatan Yuran Boleh-Ubah hendaklah digunakan untuk kontrak-kontrak insurans yang menetapkan kaitan di antara pembayaran kepada pemegang polisi dengan pulangan di atas perkara-perkara sandaran.

Syarat-syarat MFRS 17 menjajarkan pembentangan hasil pendapatan dengan lain-lain industry. Hasil pendapatan diperuntukkan untuk tempoh-tempoh secara berkadar dengan nilai perlindungan terjangka dan lain-lain perkhidmatan yang disediakan oleh penginsurans dalam tempoh tersebut, dan tuntutan dibentangkan apabila ianya wujud. Komponen pelaburan dikecualikan daripada hasil pendapatan dan tuntutan.

Penginsurans dikehendaki mendedahkan maklumat tentang amaun, penghakiman dan risiko-risiko yang timbul daripada kontrak-kontrak insurans.

Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa telah secara tentatif mencadangkan untuk meminda tarikh penguatkuasaan IFRS 17 'Kontrak Insurans' kepada 1 Januari 2022.

Syarikat telah tidak menaksir sepenuhnya kesan MFRS 17 ke atas penyata kewangannya.

- IC Tafsiran 23 'Ketidaktentuan bagi Urusan Cukai Pendapatan' berkuatkuasa 1 Januari 2019.

IC Tafsiran 23 "Ketidaktentuan bagi Urusan Cukai Pendapatan" menyediakan panduan tentang bagaimana caranya untuk mengenalpasti dan mengukur aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda dan semasa di mana terdapat ketidaktentuan bagi urusan cukai.

Sekiranya sesebuah entiti merumuskan bahawa tiada wujud kemungkinan bahawa urusan cukai akan diterima oleh pihak berkuasa percukaaian, kesan bagi ketidaktentuan cukai hendaklah dirangkumkan dalam tempoh sedemikian apabila penentuan itu dibuat. Sesebuah entiti hendaklah mengukur kesan ketidaktentuan dengan menggunakan kaedah yang paling tepat meramal penyelesaian ketidaktentuan tersebut.

IC Tafsiran 23 akan digunakan secara retrospektif.

Syarikat kini sedang dalam proses menaksir kesan kewangan piawaian ini ke atas penyata-penyata kewangannya.



## Nota-nota kepada penyata kewangan (sambungan)

### 2. Dasar-dasar penting perakaunan (sambungan)

#### 2.1 Asas Penyediaan (sambungan)

##### (b) Piawaian-piawaian dan pindaan yang telah dikeluarkan tetapi masih belum berkuatkuasa (sambungan)

- Pindaan kepada definisi material (Pindaan kepada MFRS 101 dan MFRS 108) berkuatkuasa 1 Januari 2020.

Pindaan-pindaan tersebut menjelaskan definisi kematerialan dan penggunaan definisi secara konsisten dalam kesemua MFRS dan Rangka Kerja Konseptual bagi Pelaporan Kewangan.

Definisi 'material' telah disemak semula sebagai "maklumat adalah material jika pengabaian, salahnyataan atau pengaburannya boleh secara munasabahnyanya dijangka untuk mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pengguna utama penyata-penyata kewangan kegunaan am berdasarkan penyata-penyata kewangan tersebut, yang memberi maklumat kewangan tentang sesuatu entiti pelaporan spesifik."

Pindaan-pindaan tersebut juga:

- menjelaskan sesuatu entiti akan menaksir kematerialan dalam konteks penyata-penyata kewangan secara keseluruhannya.
- menerangkan konsep pengaburan maklumat dalam definisi baharu tersebut. Maklumat adalah dikatakan terkabur jika ianya membawa kesan yang menyamai pengabaian atau salahnyataan maklumat tersebut. Contohnya, transaksi material adalah bertaburan di seluruh penyata-penyata kewangan, perkara yang tidak sama adalah diagregatkan secara tidak teratur, atau maklumat material adalah disembunyikan dengan maklumat bukan material.
- menjelaskan maksud 'pengguna utama penyata-penyata kewangan kegunaan am' kepada siapa yang penyata-penyata kewangan itu ditujukan, dengan menakrifkan mereka sebagai 'pelabur, pemberi pinjaman dan lain-lain pemiutang sedia ada dan yang berpotensi' yang semestinya bergantung kepada penyata-penyata kewangan kegunaan am sebagai sebahagian besar sumber maklumat kewangan yang mereka perlukan.

Pindaan-pindaan tersebut hendaklah digunapakai secara prospektif.

Syarikat sedang dalam proses menaksir kesan kewangan bagi piawaian ini ke atas penyata-penyata kewangannya.

- Rangka Kerja Konseptual bagi Pelaporan Kewangan ("Rangka Kerja") berkuatkuasa 1 Januari 2020.

Rangka Kerja tersebut telah disemak semula dengan matlamat utamanya bagi membantu IASB membangunkan IFRS yang bersandarkan konsep-konsep yang konsisten dan membolehkan pihak penyedia membangunkan dasar-dasar perakaunan yang konsisten di mana sesuatu isu tidak ditangani oleh suatu IFRS. Rangka Kerja tersebut bukanlah suatu IFRS, dan tidak menggantikan mana-mana IFRS.

Perubahan-perubahan utama kepada Rangka Kerja adalah seperti berikut:

- Objektif pelaporan kewangan kegunaan am - penjelasan bahawa objektif pelaporan kewangan ialah untuk menyediakan maklumat yang berguna kepada para pengguna penyata-penyata kewangan untuk keputusan peruntukan sumber dan penaksiran pengawasan pengurusan.

- Ciri-ciri kualitatif bagi maklumat kewangan yang berguna - penyataan semula konsep-konsep berhemah ketika membuat penghakiman bagi keadaan-keadaan ketidaktentuan dan konsep "bahan mengatasi rupabentuk" untuk menentukan representasi mantap bagi fenomena ekonomi.
- Penjelasan bagi entiti pelaporan untuk pelaporan kewangan - pengenalan definisi baharu bagi sesuatu entiti pelaporan, yang mungkin merupakan sebuah entiti guaman atau sebahagian daripada sebuah entiti guaman.
- Unsur-unsur penyata-penyata kewangan - definisi bagi sesuatu aset dan liabiliti telah diperhalus. Panduan berhubung penentuan unit akaun bagi aset-aset dan liabiliti telah ditambah, dengan mempertimbangkan jenis kontrak eksekutori dan bahan kontrak.
- Pengiktirafan dan nyahpengiktirafan - ambang kebarangkalian bagi pengiktirafan aset atau liabiliti telah disingkir. Panduan baharu tentang nyahpengiktirafan aset dan liabiliti telah ditambah.
- Pengukuran - penjelasan bagi faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan apabila memilih satu asas pengukuran telah disediakan.
- Pembentangan dan penzahiran - penjelasan bahawa penyata keuntungan atau kerugian ("P&L") merupakan sumber utama maklumat tentang prestasi kewangan sesebuah entiti untuk sesuatu tempoh pelaporan. Pada dasarnya, kitaran semula pendapatan/perbelanjaan yang dimasukkan ke dalam lain-lain pendapatan komprehensif kepada P&L adalah diperlukan jika ini menghasilkan maklumat yang lebih relevan atau representasi yang lebih mantap tentang P&L.

##### Pindaan-pindaan kepada rujukan kepada Rangka Kerja Konseptual dalam Piawaian MFRS

MASB juga telah mengeluarkan Pindaan kepada Rujukan kepada Rangka Kerja Konseptual dalam Piawaian MFRS ('Pindaan'), untuk mengemaskini rujukan dan nyataan empat belas (14) Piawaian demi menjelaskan versi Rangka Kerja Konseptual yang dirujuk oleh Piawaian ini, yang untuknya tarikh berkesan di atas akan tergunapakai. Pindaan-pindaan tersebut hendaklah digunapakai secara retrospektif menurut MFRS 108 melainkan penggunapakaan retrospektif tidak akan bersifat praktik atau melibatkan kos atau usaha yang besar.

Syarikat sedang dalam proses menaksir kesan kewangan bagi piawaian ini ke atas penyata-penyata kewangannya.

#### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting

##### (a) Hartanah dan peralatan

Hartanah dan peralatan adalah dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian penjejasan nilai terkumpul.

Kos susulan adalah terangkum dalam amaun tinggal bagi aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut mana yang berkaitan, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa faedah ekonomi yang berhubungkait dengan sesuatu perkara itu akan tersalur kepada Syarikat dan kos perkara berkenaan boleh disukat secara memadai. Amaun tinggal bagi bahagian gantian adalah dinyahiktiraf. Segala kos pembaikan dan penyelenggaraan lain adalah dicaj kepada penyata pendapatan pada tempoh kewangan dalam mana ianya terlibat.

Bangunan pajakan adalah dilunaskan dalam bayaran ansuran sama-besar meliputi tempoh pajakan 72.59 tahun. Susutnilai lain-lain hartanah dan peralatan adalah dikira menggunakan asas garis lurus untuk memperuntuk kos masing-masing kepada nilai sisa meliputi tempoh hayat berguna terjangka aset-aset berkenaan. Tempoh hayat berguna terjangka aset-aset tersebut ialah seperti berikut:

Kenderaan Bermotor	5 tahun
Kelengkapan EDP	3 - 5 tahun
Kelengkapan Pejabat	4 - 10 tahun
Perabot & Kelengkapan	2 - 10 tahun
Pengubahsuaian	2 - 5 tahun
Bangunan Pegangan Bebas	50 tahun

Nilai sisa dan hayat berguna aset adalah disemak semula, dan dilaraskan jika berkenaan, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Syarikat menaksir sama ada terdapat sebarang petanda penjejasan nilai. Sekiranya terdapat petanda sedemikian, suatu analisis dijalankan untuk menentukan sama ada amaun bawaan aset berkenaan boleh-dipulih sepenuhnya. Suatu nilai tinggal dibuat jika nilai bawaan melebihi amaun boleh-pulih. Sila lihat nota 2.2 (c) kepada penyata kewangan tentang penjejasan nilai bukan-aset kewangan.

Keuntungan dan kerugian akibat pelupusan adalah ditentukan dengan membandingkan hasil perolehan dengan nilai bawaan dan dirangkumkan dalam penyata pendapatan komprehensif.

#### (b) Aset-aset tidak ketara

Apabila perisian komputer bukan menjadi sebahagian integral daripada suatu perkara perkakasan komputer yang berkaitan, perisian tersebut adalah diuruskan sebagai aset tidak ketara. Kos perisian kegunaan-dalam yang dimodalkan adalah termasuk kos langsung bahan-bahan dan perkhidmatan yang digunakan dalam membangun atau memperoleh perisian itu. Pemodalan kos-kos ini terhenti tidak lewat takat di mana projek telah siap sebahagian besarnya dan sudah sedia untuk tujuan yang diniatkan. Kos-kos ini dilunaskan meliputi hayat berguna yang terjangka selama 3 hingga 10 tahun atas dasar garis lurus, di mana hayat-hayat berguna itu disemak semula setiap tahun.

#### (c) Penjejasan Nilai Ke Atas Aset Bukan-Kewangan

Nilai tinggal bagi aset bukan-kewangan yang tertakluk kepada pelunasan adalah ditinjau semula untuk menentukan kerugian penjejasan nilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa nilai tinggal berkenaan mungkin mengalami penjejasan nilai. Penjejasan nilai disukat dengan membandingkan nilai tinggal bagi aset dengan amaun boleh-pulih masing-masing. Amaun boleh-pulih tersebut adalah amaun lebih tinggi bagi nilai saksama ditolak kos untuk menjual dan nilai dalam gunaan. Amaun boleh-pulih dianggarkan untuk aset-aset individu, atau, jika tidak, untuk unit penjana-tunai. Aset yang mengalami penjejasan nilai ditinjau semula untuk kemungkinan penyongsangan penjejasan nilai tersebut pada setiap tarikh melapor. Kerugian penjejasan nilai dicaj kepada penyata pendapatan dan/atau akaun pendapatan dengan serta-merta.

Peningkatan seterusnya dalam amaun boleh-pulih sesuatu aset adalah diurus sebagai songsangan kerugian penjejasan nilai sebelumnya dan diiktiraf ke tahap amaun bawaan aset tersebut yang sepatutnya ditentukan (ditolak pelunasan dan susutnilai) sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf. Songsangan tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

#### (d) Pelaburan dan Lain-lain Aset kewangan

Syarikat mengklasifikasi pelaburannya dalam aset kewangan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian ("FVTPL") dan pinjaman dan lain-lain penghutang ("LAR").

##### FVTPL

Syarikat mengklasifikasi portfolio sekuritinya, yang merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bil Perbendaharaan yang dipegang-untuk-dagangan, sebagai FVTPL. Sekuriti diklasifikasi sebagai FVTPL jika ianya diambilalih atau terlibat secara prinsip untuk tujuan penjualan atau penjualan semula dalam jangka terdekat atau ianya menjadi sebahagian daripada portfolio sekuriti-sekuriti terkenal pasti yang diurus bersama dan yang untuknya terdapat bukti tentang wujudnya satu pola sebenar dalam jangka terdekat berhubung pengambilan untung jangka pendek. Sekuriti FVTPL disukat pada nilai saksama dan sebarang gandaan atau kerugian dari perubahan dalam nilai saksama adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

##### LAR

LAR adalah aset bukan-derivatif yang mempunyai pembayaran tetap atau boleh-ditentukan yang tidak tersebut harga dalam pasaran aktif. Pelaburan ini pada awalnya diiktiraf pada kos, sebagai nilai saksama bagi balasan yang dibayar bagi pengambilalihan pelaburan berkenaan. Semua kos urusan yang dihubungkan secara langsung kepada pengambilalihan berkenaan turut dirangkumkan dalam kos pelaburan. Selepas sukatan permulaan, pinjaman dan penghutang disukat pada kos terlunas, menggunakan kaedah kadar hasil berkesan, tolak peruntukan bagi penjejasan. Gandaan dan kerugian adalah diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pelaburan berkenaan dalam penyata pendapatan komprehensif, serta mengalami proses pelunasan.

Syarikat mengklasifikasi aliran tunai bagi pembelian dan pelupusan pelaburan LAR dan FVTPL di dalam akiran tunai operasinya disebabkan pembelian itu dibiayai dengan aliran tunai yang berhubungkait dengan asalan kontrak insurans setelah ditolak aliran tunai bersih untuk pembayaran faedah dan tuntutan insurans.

#### (e) Nilai Saksama bagi Suratcara Kewangan

Nilai saksama suratcara kewangan yang didagang secara aktif dalam pasaran kewangan terancang adalah ditentukan dengan rujukan kepada harga bida pasaran tersebut harga bagi aset dan harga tawaran bagi liabiliti, pada penutupan perniagaan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

## Nota-nota kepada penyata kewangan (sambungan)

### 2. Dasar-dasar penting perakaunan (sambungan)

#### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

##### (e) Nilai Saksama bagi Suratcara Kewangan (sambungan)

Bagi suratcara kewangan di mana tiadanya pasaran yang aktif. Nilai saksama ditentukan melalui teknik-teknik penilaian. Teknik sedemikian termasuklah penggunaan urusniaga selangan terbaru, rujukan kepada nilai pasaran semasa bagi suratcara lain yang sebahagian besarnya adalah serupa, analisis aliran tunai terdiskaun dan/atau model penetapan harga opsyen sambil memaksimumkan penggunaan input pasaran dan bergantung sesedikit yang mungkin kepada input bersifat spesifik-entiti. Untuk teknik-teknik aliran tunai terdiskaun, aliran tunai masa depan teranggar adalah berdasarkan anggaran terbaik pihak pengurusan dan kadar diskaun yang digunakan adalah kadar berkait-pasaran untuk suratcara yang serupa. Beberapa suratcara kewangan tertentu dinilai menggunakan model penetapan harga yang mempertimbangkan, antara lain, faktor-faktor lain dan/atau kadar pra-pembayaran bagi kedudukan tahanan bawahan. Penggunaan model penetapan harga yang lain dan andaian-andaian boleh menghasilkan anggara nilai-nilai saksama yang berbeza secara material.

Nilai saksama bagi kadar terapung dan deposit di institusi-institusi kewangan ialah nilai tinggal masing-masing. Nilai tinggal ialah kos deposit/perletakan dan faedah/keuntungan terakur. Nilai saksama deposit yang menghasilkan faedah tetap/kadar hasil adalah dianggarkan menggunakan teknik aliran tunai terdiskaun. Aliran tunai terjangka adalah didiskaun pada kadar pasaran semasa untuk suratcara serupa pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Sekiranya nilai saksama tidak dapat disukat dengan baik, surat-suratcara kewangan ini adalah disukat pada kos, sebagai nilai saksama bagi balasan yang dibayar bagi pengambilalihan suratcara atau amaun yang diterima dari pengeluaran liabiliti kewangan berkenaan. Segala kos urusniaga yang secara langsungnya dihubungkan dengan pengambilalihan turut dirangkumkan dalam kos pelaburan berkenaan.

##### (f) Penjejasan Suratcara Kewangan

Syarikat membuat penaksiran pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan sama ada sesuatu aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan kumpulan mengalami penulasan.

##### *Aset Dibawa pada Kos Pelunasan*

Sekiranya terdapat bukti objektif bahawa berlakunya penjejasan pada aset yang dibawa pada kos pelunasan, amaun kerugian kecacatan berkenaan disukat sebagai perbezaan antara amaun tinggal aset berkenaan dengan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan (tidak termasuk kerugian kredit yang tidak berlaku) didiskaun pada kadar/kadar hasil faedah berkesan asal aset kewangan berkenaan. Amaun tinggal bagi aset berkenaan dikurangkan dan kerugian direkod dalam penyata pendapatan komprehensif.

Syarikat pada mulanya membuat penaksiran wujudnya bukti objektif bagi penjejasan secara individu bagi aset-aset kewangan yang bersifat penting secara individu dan secara individu atau kolektif bagi aset-aset kewangan yang tidak bersifat penting secara individu. Sekiranya ditentukan bahawa tiada wujud sebarang bukti objektif tentang penjejasan bagi aset kewangan yang ditaksir secara individu, sama ada bersifat penting atau tidak, aset berkenaan dirangkumkan dalam kumpulan aset kewangan yang memiliki pencirian risiko kredit yang serupa dan bahawa kumpulan aset kewangan berkenaan ditaksir secara kolektif bagi penjejasan. Aset yang ditaksir secara individu bagi penjejasan dan yang untuknya suatu penjejasan adalah atau terus diiktiraf adalah tidak dirangkumkan dalam penaksiran kolektif bagi penjejasan. Penaksiran penjejasan dijalankan pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Sekiranya, dalam tempoh yang berikutnya, amaun penjejasan berkurangan dan pengurangan berkenaan boleh dihubungkan secara objektif dengan sesuatu kejadian yang berlaku selepas penjejasan tersebut diiktiraf, penjejasan yang diiktiraf sebelumnya adalah disongsangkan. Sebarang penyongsangan penjejasan adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif, setakat yang nilai tinggal aset berkenaan tidak melebihi kos terlunas pada tarikh penyongsangan.

##### (g) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak penerimaan aliran tunai darinya telah luput atau di mana aset berkenaan telah dipindah dan Syarikat juga telah secara besar-besaran memindah segala risiko dan ganjaran pemilikan.

##### (h) Klasifikasi Produk

Syarikat mengeluarkan kontrak yang memindahkan risiko insurans.

Kontrak insurans adalah kontrak yang memindahkan risiko insurans secara besar-besaran. Kontrak insurans adalah kontrak dalam mana Syarikat (penginsurans) telah menerima risiko insurans besar-besaran dari pihak lain (pemegang polisi) dengan bersetuju untuk membayar pampasan kepada pemegang polisi jika satu peristiwa masa depan tertentu yang tidak dapat ditentukan (peristiwa diinsurans) secara memudaratkan menjejaskan pemegang polisi.

##### (i) Keputusan Penanggungans Insurans Am

Keputusan Penanggungans Insurans A, ditentukan bagi setiap kelas perniagaan selepas mengambilkira insurans semula, komisyen, premium tidak diraih dan tuntutan yang ditanggung.

##### *Premium Kasar*

Premium kasar diiktiraf dalam tahun kewangan berhubung risiko yang ditanggung pada tahun kewangan berkenaan. Premium dari perniagaan langsung diiktiraf pada tahun kewangan berikutan penerbitan nota debit. Premium berhubung risiko yang untuknya nota debit telah tidak dikeluarkan pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah terakur pada tarikh berkenaan dan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif pada tahun berkenaan.

Premium insurans semula fakultatif masukan diiktiraf dalam tempoh kewangan berhubung risiko fakultatif yang diambilkira dalam tahun kewangan tertentu seperti dalam kes yang melibatkan polisi langsung, berikutan tarikh permulaan risiko individu berkenaan.

Premium insurans semula perjanjian masukan adalah terdiri daripada perjanjian berkadar dan juga tidak berkadar. Berhubung premium insurans semula yang berkaitan dengan perjanjian berkadar, ianya diiktiraf berdasarkan pemberitahuan berkala yang diterima dari pihak dengan syarat pemberitahuan berkala berkenaan mencerminkan risiko individu tahanan yang diambilkira dan diinsurans semula pada pelbagai tarikh permulaan risiko ini dan secara berkontrak diambilkira, sebagaimana kepada penginsurans semula di bawah terma perjanjian berkadar. Berhubung premium insurans semula yang berkaitan dengan perjanjian tidak-berkadar yang meliputi kerugian yang berlaku dalam sesuatu tempoh perjanjian tertentu, premium insurans semula perjanjian masukan adalah diiktiraf berdasarkan premium berkontrak yang sudah pun ditentukan di permulaan tempoh perjanjian di bawah kontrak perjanjian tidak-berkadar.

#### *Liabiliti Premium*

Liabiliti premium adalah merujuk kepada nilai lebih tinggi bagi:

- (i) agregat rizab premium tidak diraih ("UPR"): atau
- (ii) nilai anggaran terbaik rizab belum-luput penginsurans ("URR") pada tarikh penilaian dan Peruntukan Margin Risiko bagi Sisihan Memudarot ("PRAD") dikira pada tahap syarikat secara keseluruhan. Nilai anggaran terbaik adalah anggaran prospektif bagi pembayaran masa depan terjangka yang timbul dari peristiwa masa depan yang diinsurans di bawah polisi yang sedang berkuatkuasa pada tarikh penilaian dan turut merangkumi peruntukan bagi perbelanjaan penginsurans, termasuk overhead dan kos insurans semula, yang dijangka akan ditanggung dalam tempoh belum luput dalam mentadbir polisi-polisi ini dan menyelesaikan tuntutan yang berkenaan, serta memperuntukkan pembayaran balik premium masa depan yang terjangka.

UPR mewakili bahagian premium bersih bagi polisi insurans yang ditanggungruhi yang berhubungkait dengan tempoh-tempoh belum-luput polisi-polisi sedemikian di hujung tahun kewangan.

Dalam proses menentukan UPR pada tarikh penyata kedudukan kewangan, kaedah yang digunakan ialah yang paling tepat mencerminkan jumlah sebenar premium tidak diraih sebenar digunakan adalah seperti berikut:

- (i) kaedah 25% bagi kargo marin dan perniagaan transit;
- (ii) kaedah 1/365th (iaitu kaedah pro-rata harian) bagi semua kelas perniagaan insurans am yang lain berhubung polisi am Malaysia, dikurangkan sebanyak peratusan komisyen perniagaan langsung kasar yang diambilkira kepada premium yang berkenaan, tidak melebihi had yang ditetapkan oleh BNM.

#### *Liabiliti Tuntutan*

Liabiliti bagi tuntutan belum terjawab diiktiraf berhubung insurans langsung dan juga insurans semula masukan.

Peruntukan bagi liabiliti tuntutan dibuat bagi anggaran kos semua tuntutan berserta perbelanjaan yang berkaitan ditolak pemuliharaan insurans semula, berkait dengan tuntutan yang dimaklumkan tetapi tidak diselesaikan pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Peruntukan juga dibuat bagi kos tuntutan, berserta perbelanjaan yang berkaitan, yang ditanggung tetapi telah dilaporkan pada tarikh penyata kedudukan kewangan, berdasarkan suatu penilaian aktuari.

Meliputi seluruh tempoh tahun kewangan, pihak pengurusan sentiasa penaksir semula tuntutan dan peruntukan, baik atas dasar individu mahupun kelas, berdasarkan nasihat dan laporan profesional bebas, serta lain-lain maklumat yang diperolehi serta penaksiran sendiri oleh pihak pengurusan berhubung tuntutan dan peruntukan.

#### *Kos Pengambilalihan*

Kos pengambilalihan dan pembaharuan polisi insurans setelah ditolak pendapatan yang diperolehi dari premium insurans semula adalah diiktiraf seperti yang ditanggung dan diperuntuk secara teratur kepada tempoh-tempoh dalam mana ianya dijangkakan menghasilkan pendapatan. Untuk tujuan pembentangan penyata kewangan, kos pengambilalihan yang telah timbul dari pemerolehan dan pembaharuan semula polisi insurans adalah ditolak dari liabiliti premium.

### **(j) Insurans Semula**

#### *Insurans semula diserah*

Syarikat menyerahkan risiko insurans dalam perjalanan biasa perniagaan. Aset insurans semula mewakili baki yang terhutang oleh syarikat-syarikat insurans semula. Amaun yang boleh dipulih dari penginsurans semula adalah dianggarkan mengikut cara yang selaras dengan peruntukan tuntutan belum-terjawab yang berhubungkait dengan polisi-polisi penginsurans semula dan adalah sejajar dengan kontrak-kontrak insurans semula yang berkaitan.

Perkiraan insurans semula tersedian tidak melepaskan Syarikat dari obligasinya kepada para pemegang polisi.

Gandaan atau kerugian atas pembelian insurans semula adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif sebaik sahaja selepas tarikh pembelian dan tidak dilunaskan.

#### *Insurans semula diandai*

Syarikat turut menanggung risiko insurans semula dalam perjalanan biasa perniagaan untuk kontrak insurans am apabila berkaitan.

Premium dan tuntutan atas insurans semula terandai adalah diiktiraf sebagai hasil pendapatan atau perbelanjaan dengan cara yang serupa seperti dalam hal jika insurans semula diambilkira sebagai perniagaan langsung. Liabiliti insurans semula mewakili baki yang terhutang kepada syarikat-syarikat insurans semula. Amaun yang perlu dibayar dianggarkan dengan cara yang konsisten dengan kontrak insurans semula yang berkaitan.

Premium dan tuntutan adalah dibentangkan atas dasar kasar bagi insurans semula dihenti dan juga yang diandai.

## Nota-nota kepada penyata kewangan (sambungan)

### 2. Dasar-dasar penting perakaunan (sambungan)

#### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

##### (j) Insurans Semula (sambungan)

###### *Insurans semula asets atau liabiliti*

Aset atau liabiliti insurans semula dinyahiktiraf apabila hak-hak berkontrak terhapus atau luput atau apabila kontrak berkenaan dipindah kepada pihak yang lain.

Aset insurans semula ditinjau semula untuk penjejasan di setiap tarikh pelaporan atau lebih kerap apabila wujud petanda tentang timbulnya penjejasan dalam tempoh pelaporan. Penjejasan berlaku apabila terdapat bukti objektif akibat sesuatu peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset insurans semula bahawasanya Syarikat mungkin tidak menerima segala amaun belum terjawab di bawah sesuatu kontrak dan di mana peristiwa tersebut member kesan yang boleh diukur dengan baik tentang amaun yang Syarikat akan terima daripada pihak penginsurans semula. Penjejasan direkodkan dalam penyata pendapatan komprehensif.

##### (k) Penghutang Insurans

Penghutang insurans diiktiraf apabila sampai tempoh dan disukat atas pengiktirafan awal pada nilai saksama masing-masing bagi balasan yang diterima atau akan diterima. Berikutan pengiktirafan awal, penghutang insurans disukat pada kos terlunas, menggunakan kaedah kadar hasil berkesan.

Sekiranya wujud bukti objektif bahawa penghutang insurans mempunyai penjejasan, Syarikat mengurangkan amaun tinggal penghutang insurans berkenaan sebanyak yang berkaitan dan mengiktiraf kerugian penjejasan sedemikian dalam penyata pendapatan komprehensif. Syarikat mengumpul bukti objektif bahawa sesuatu penghutang insurans itu adalah dijejas menggunakan proses serupa yang digunapakai untuk aset kewangan yang dibawa pada kos terlunas. Penjejasan dikira dengan kaedah serupa yang digunakan bagi aset kewangan berkenaan.

##### (l) Lain-lain perkara terhutang oleh MMIP

Pendahuluan jangka pendek kepada MMIP adalah diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan ditolak penjejasan. Bahagian pulangan pelaburan Syarikat bagi MMIP adalah diiktiraf apabila hak untuk menerima telah dikenalpasti. Pendahuluan kepada dan amaun yang terhutang oleh MMIP adalah diklasifikasi sebagai sebahagian daripada Lain-lain Amaun Terhutang.

##### (m) Liabiliti Kontrak Insurans Am

Liabiliti kontrak insurans am diiktiraf apabila kontrak dimeterai dan premium dicaj.

Liabiliti ini merangkumi liabiliti tuntutan dan liabiliti premium.

Liabiliti tuntutan adalah berdasarkan anggaran kos muktamad bagi semua tuntutan yang ditanggung tetapi tidak diselesaikan pada tarikh penyata kedudukan kewangan, sama ada dilapor atau tidak, berserta kos

kendalian tuntutan yang berkaitan dan pengurangan bagi nilai terjangka bagi penyelamatan dan lain-lain pemulihan. Kelewatan boleh dialami dalam notifikasi dan penyelesaian beberapa jenis tuntutan tertentu, sekaligus kos muktamad bagi tuntutan ini tidak boleh diketahui secara pasti pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Liabiliti tersebut dikira pada data pelaporan menggunakan satu rangkaian unjuran tuntutan aktuari piawai berdasarkan data empirik dan andaian semasa yang barangkali merangkumi satu jidar bagi sisihan memudar. Liabiliti tersebut tidak didiskaun bagi nilai masa untuk wang. Liabiliti ini dinyahiktiraf apabila kontrak luput, didiscaj atau dibatal.

Peruntukan bagi liabiliti premium mewakili premium yang diterima bagi risiko yang masih belum luput. Secara umumnya, rizab dibebaskan meliputi tempoh jangka kontrak dan diiktiraf sebagai pendapatan premium.

Pada setiap tarikh pelaporan, Syarikat meninjau semula risiko belum-luput dan satu ujian kecukupan liabiliti dijalankan untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang lebihan menyeluruh bagi tuntutan terjangka dan kos pengambilalihan tertunda meliputi premium tidak diraih. Perkiraan ini menggunakan anggaran semasa bagi aliran tunai berkontrak masa depan (sambil mengambilkira nisbah kerugian semasa) setelah mengambilkira pulangan pelaburan yang dijangka terhasil atas aset berhubung rizab teknikal insurans am yang relevan. Sekiranya anggaran ini menunjukkan bahawa nilai tinggal bagi premium tidak diraih ini adalah tidak memadai, defisit berkenaan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif dengan mewujudkan peruntukan bagi kecukupan liabiliti.

##### (n) Lain-lain Pengiktirafan Hasil Pendapatan

Hasil pendapatan diiktiraf setakat yang ada kemungkinan bahawa faedah ekonomi akan mengalir masuk ke Syarikat dan hasil pendapatan berkenaan boleh disukat dengan tepat. Kriteria pengiktirafan spesifik berikut mestilah juga dipatuhi sebelum hasil pendapatan diiktiraf.

###### *Pendapatan Sewaan*

Pendapatan sewaan bagi hartanah pelaburan diiktiraf atas dasar garis lurus meliputi tempoh pajakan.

###### *Pendapatan Faedah dan Keuntungan*

Pendapatan diiktiraf atas dasar aktuari menggunakan kaedah kadar hasil berkesan. Yuran dan komisyen yang merupakan bahagian integral daripada kadar hasil berkesan bagi aset atau liabiliti kewangan adalah diiktiraf sebagai pelarasan kepada kadar hasil berkesan bagi suratcara.

###### *Pendapatan Dividen*

Pendapatan dividen adalah diiktiraf setelah hak Syarikat untuk menerima pembayaran ditentukan.



### *Gandaan dan Kerugian Terealis atas Pelaburan*

Gandaan dan kerugian terealis yang direkod dalam penyata pendapatan komprehensif ke atas pelaburan merangkumi gandaan dan kerugian atas aset kewangan dan hartanah pelaburan. Gandaan dan kerugian atas jualan pelaburan adalah dikira sebagai perbezaan antara hasil perolehan jualan bersih dengan nilai tinggal pelaburan dan dicatat mengikut perlakuan urusniaga jualan yang berkenaan.

#### **(o) Pendapatan komisyen insurans semula**

Pendapatan komisyen insurans semula diiktiraf sebagai hasil pendapatan atas dasar yang bersifat konsisten dengan pengiktirafan kos yang terlibat dalam pengambilalihan kontrak-kontrak insurans tahanan.

#### **(p) Cukai Pendapatan**

Cukai pendapatan ke atas penyata pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah amaun terjangka bagi cukai pendapatan yang perlu dibayar berhubung keuntungan boleh-dicukai dan lebihan bagi tahun dikira menggunakan kadar-kadar cukai yang telah ditetapkan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda diperuntuk, menggunakan kaedah liabiliti. Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh-dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh-ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna setakat yang terdapat keberangkalan bahawa keuntungan boleh dicukai tersebut adalah tersedia dalam mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf jika perbezaan sementara yang timbul dari pengiktirafan awal bagi sesuatu aset atau liabiliti dalam sesuatu urusniaga yang bukannya kombinasi perniagaan dan pada tarikh urusniaga berkenaan, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda disukat pada kadar cukai yang dijangka digunapakai dalam tempoh apabila aset berkenaan direalis atau liabiliti berkenaan diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah ditetapkan atau ditetapkan seterusnya pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dirangkumkan dalam penyata pendapatan komprehensif bagi tempoh berkenaan, kecuali apabila ianya timbul dari urusniaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, yang dalam kes sedemikian, cukai tertunda turut diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

#### **(q) Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf apabila Syarikat mempunyai obligasi semasa hasil daripada satu peristiwa lalu dan terdapat keberangkalan bahawa satu aliran keluar sumber yang membentuk faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi berkenaan, dan satu anggaran yang baik bagi amaun sedemikian boleh dibuat. Peruntukan ditinjau semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan dilaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Dalam hal apabila kesan nilai masa bagi wang adalah bersifat material, peruntukan didiskaun menggunakan kadar pra-cukai semasa yang mencerminkan, di mana perlu, risiko yang spesifik bagi liabiliti berkenaan. Dalam hal di mana pendiskaun digunakan, peningkatan dalam peruntukan akibat peredaran masa adalah diiktiraf sebagai kos kewangan.

#### **(r) Manfaat Pekerja**

##### **(i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek**

Upah, gaji, cuti sakit tahunan, bonus dan manfaat bukan wang adalah terakru dalam tempoh perkhidmatan berkaitan diberi oleh pekerja Syarikat.

##### **(ii) Manfaat Selepas Tamat Pekerjaan**

Sumbangan Syarikat kepada pelan caruman yang tertakrif adalah dicaj kepada penyata pendapatan/ akaun hasil pendapatan dalam tempoh yang berkaitan. Setelah caruman itu dibayar, Syarikat tidak lagi mempunyai obligasi pembayaran selanjutnya.

##### **(iii) Pelan Berasas-Saham Terjelas-Tunai**

Syarikat menyertai Rancangan Berasas-saham Terjelas-Tunai untuk kakitangan Syarikat. Nilai saksama bagi perkhidmatan kakitangan yang diterima sebagai pertukaran dengan pemberian hak penghayatan saham adalah diiktiraf di dalam penyata pendapatan komprehensif meliputi tempoh-tempoh berkepentingan bagi pemberian tersebut dengan peningkatan liabiliti yang berkaitan.

Jumlah amaun yang akan dibelanjakan bagi tempoh berkepentingan adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai saksama hak penghayatan saham. Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Syarikat meninjau semula anggaran bilangan kakitangan yang dijangka memenuhi syarat-syarat kepentingan perkhidmatan dan nilai saksama bag liabiliti yang wujud. Impak bagi semakan semula anggaran asal, jika ada, adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

Liabiliti kumulatif yang terlibat akan diterbalikkan sebagai tinai dibayar, ditolak mana-mana kos urusniaga berkait secara langsung, di hujung tempoh berkepentingan.

#### **(s) Matawang Asing**

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan matawang fungsi dan pembentangan Syarikat.

Urusniaga matawang asing dalam Syarikat adalah diambilkira pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Aset dan liabiliti monetari dalam matawang asing pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah diterjemah kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Perbezaan pertukaran dari penyelesaian urusniaga matawang asing dan dari terjemahan aset dan liabiliti monetari dalam matawang asing adalah dirangkumkan dalam penyata pendapatan komprehensif dan/atau akaun hasil pendapatan.

## Nota-nota kepada penyata kewangan (sambungan)

### 2. Dasar-dasar penting perakaunan (sambungan)

#### 2.2 Ringkasan Dasar-dasar Perakaunan Penting (sambungan)

##### (t) Pemiutang Insurans dan Lain-lain Pemiutang

Pemiutang insurans dan lain-lain pemiutang adalah diiktiraf apabila sampai tempoh dan disukat atas pengiktirafan awal pada nilai saksama balasan yang diterima ditolak kos urusniaga langsung yang diterima. Berikutan pengiktirafan awal, nilai-nilai ini disukat pada kos pelunasan menggunakan kaedah kadar hasil berkesan.

##### (u) Tunai dan Setaraan Tunai

Tunai dan setaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit dipegang pada panggilan di institusi kewangan dengan tempoh kematangan asal tiga bulan atau kurang daripada itu. Ianya tidak termasuk deposit yang dipegang untuk tujuan pelaburan.

##### (v) Liabiliti Luarjangka dan Aset Luarjangka

Syarikat tidak mengiktiraf sesuatu liabiliti luarjangka tetapi mendedahkan kewujudnyannya dalam penyata kewangan. Liabiliti luarjangka adalah satu obligasi yang kemungkinannya timbul dari peristiwa lampau yang kewujudannya akan disahkan oleh peristiwa masa depan yang belum ditentukan yang berada di luar kawalan Syarikat atau sesuatu obligasi semasa yang tidak diiktiraf disebabkan tiadanya kemungkinan bahawa suatu aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi berkenaan.

Sesuatu liabiliti luarjangka juga timbul dalam keadaan yang amat jarang berlaku di mana wujudnya suatu liabiliti yang tidak boleh diiktiraf disebabkan ianya tidak boleh diukur dengan baik.

Aset luarjangka adalah satu obligasi yang kemungkinannya timbul dari peristiwa lampau yang kewujudannya akan disahkan oleh peristiwa masa depan yang belum ditentukan yang berada di luar kawalan Syarikat. Syarikat tidak mengiktiraf sesuatu aset luarjangka tetapi mendedahkan kewujudnyannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi berkemungkinannya wujud tetapi tidak dapat ditentukan secara maya.

##### (w) Modal Saham

Saham-saham biasa adalah diklasifikasi sebagai ekuiti. Kos-kos bertokok yang secara langsung berkait dengan terbitan saham-saham dan opsyen baharu adalah ditunjukkan dalam ekuiti sebagai penolakan, ditolak cukai, dari jumlah perolehan.

##### (x) Dividen

Dividen-dividen adalah diiktiraf sebagai liabiliti apabila obligasi untuk membayar dikenalpasti dalam mana dividen diisytihar dan diluluskan oleh BNM dan para pemegang saham Syarikat. Tiada peruntukan dibuat untuk dividen yang dicadangkan.

#### 2.3 Perumusan, Anggaran dan Andaian Perakaunan yang penting

Penyediaan penyata akaun Kewangan Syarikat memerlukan pihak pengurusan membuat perumusan, anggaran dan andaian yang memberi kesan pada jumlah yang dilaporkan berhubung hasil pendapatan, aset dan liabiliti serta pendedahan liabiliti luarjangka, pada tarikh pelaporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian berhubung andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan wujudnya hasil yang mungkin memerlukan pelarasan material kepada amaun tinggal bagi aset atau liabiliti di masa depan. Antara faktor-faktor ini termasuklah:

##### (a) Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran dan Perumusan

Andaian utama berhubung ketidakpastian sumber utama anggaran masa depan dan lain-lain sumber pada tarikh penyata kedudukan kewangan, yang mempunyai risiko besar menyebabkan pelarasan material dibuat pada nilai tinggal aset dan liabiliti dalam tempoh tahun kewangan yang berikutnya adalah dibincangkan seperti berikut.

##### *Penilaian Liabiliti Kontrak Insurans Am*

Untuk kontrak insurans am, anggaran telah dibuat bagi kos tuntutan muktamad terjangka yang dilaporkan pada tarikh penyata kedudukan kewangan dan juga bagi kos tuntutan muktamad terjangka yang ditanggung tetapi belum dilaporkan pada tarikh lembaranimbangan.

Satu tempoh masa yang cukup panjang mungkin diperlukan sebelum kos tuntutan muktamad dapat ditentukan dengan tepat dan untuk sesetengah jenis polisi, tuntutan IBNR bagi majoriti liabiliti penyata kedudukan kewangan. Kos muktamad bagi tuntutan belum terjawab adalah dianggarkan dengan menggunakan satu rangkaian teknik unjuran tuntutan aktuari piawai, seperti kaedah Chain Ladder dan kaedah Bornheutter-Ferguson.

Andaian utama yang menatah teknik-teknik ini ialah bahawa pengalaman pembangunan tuntutan masa lepas syarikat boleh digunakan untuk mengunjurkan pembangunan tuntutan masa depan syarikat, sekaligus menentukan kos tuntutan muktamad. Justeru, kaedah-kaedah ini mengekstrapolat pembangunan kerugian dibayar dan ditanggung, purata kos setiap tuntutan dan bilangan tuntutan berdasarkan pembangunan tercepat tahun-tahun sebelumnya dan nisbah-nisbah kerugian terjangka. Pembangunan tuntutan bersejarah dianalisis terutamanya mengikut tahuntahun kemalangan tetapi juga boleh dianalisis selanjutnya mengikut kawasan geografi, serta mengikut garis perniagaan dan jenis tuntutan. Tuntutan yang besar biasanya diurus secara berasingan, sama ada melalui rizab atas nilai muka bagi anggaran pelaras kerugian, atau diunjur secara berasingan demi mencerminkan pembangunan di masa depan. Data pembangunan tuntutan bersejarah adalah dilaraskan bagi kesan inflasi dan andaian eksplisit dibuat bagi kadar inflasi tuntutan masa depan yang tergunapakai dalam kerugian terunjur. Perumusan kualitatif tambahan digunakan untuk menaksir setakat mana arah aliran masa lepas tidak akan digunapakai di masa depan (contohnya, untuk mencerminkan kejadian yang berlaku hanya sekali, perubahan dalam faktor-faktor luaran atau pasaran seperti tabiat orang ramai berhubung tuntutan, keadaan ekonomi, tahap inflasi tuntutan, keputusan kehakiman dan perundangan, serta faktor-faktor dalaman seperti campuran portfolio, ciri-ciri polisi dan tatacara kendalian tuntutan) bagi menentukan kos tuntutan muktamad anggaran yang membentangkan kemungkinan hasil dari rangkaian hasil terbarangkali, sambil mengambilkira segala ketidakpastian yang terlibat.

Rujuk Nota 24 kepada penyata-penyata kewangan untuk pendedahan tentang risiko insurans.

### 3. Hartanah dan peralatan

	KENDERAAN BERMOTOR RM	PERALATAN EDP RM	PERALATAN PEJABAT RM	PERABOT DAN KELENGKAPAN RM	PENGUBAHSUAIAN RM	BANGUNAN PAJAKAN RM	JUMLAH RM
<b>Nilai buku bersih</b>							
Pada 1 Januari 2018	265,679	1,167,227	463,706	1,206,281	794,849	5,523,668	9,421,410
Penambahan	356,757	820,002	104,221	4,600	6,665	-	1,292,245
Pelupusan	(100,028)	-	(1,926)	-	-	-	(101,954)
Dihapuskira (Penambahan)/ Penerbalikan penjejasan	-	-	(2,773)	-	-	-	(2,773)
Susutnilai	(152,688)	(863,306)	(122,955)	(194,063)	(266,751)	(75,058)	(1,674,821)
Pada 31 Disember 2018	369,720	1,123,923	440,273	1,016,818	534,763	5,448,610	8,934,107
<b>Pada 31 Disember 2018</b>							
Kos	704,009	4,883,185	1,616,306	2,095,875	2,440,132	6,587,782	18,327,289
Kerugian penjejasan nilai terkumpul	-	-	-	-	-	-	-
Susutnilai terkumpul	(334,289)	(3,759,262)	(1,176,033)	(1,079,057)	(1,905,369)	(1,139,172)	(9,393,182)
Nilai Buku Bersih	369,720	1,123,923	440,273	1,016,818	534,763	5,448,610	8,934,107

	KENDERAAN BERMOTOR RM	PERALATAN EDP RM	PERALATAN PEJABAT RM	PERABOT DAN KELENGKAPAN RM	PENGUBAHSUAIAN RM	BANGUNAN PAJAKAN RM	JUMLAH RM
<b>Nilai buku bersih</b>							
Pada 1 Januari 2017	455,531	1,767,703	422,340	1,065,425	616,206	5,593,834	9,921,039
Penambahan	-	294,801	184,007	324,979	435,819	-	1,239,606
Pelupusan	(65,723)	-	-	-	-	-	(65,723)
Dihapuskira (Penambahan)/ Penerbalikan penjejasan	-	-	(27,709)	(14,728)	(24,940)	-	(67,377)
Susutnilai	(124,129)	(895,277)	(114,932)	(169,395)	(232,236)	(75,198)	(1,611,167)
Pada 31 Disember 2017	265,679	1,167,227	463,706	1,206,281	794,849	5,523,668	9,421,410
<b>Pada 31 Disember 2017</b>							
Kos	703,252	4,283,520	1,534,278	2,102,503	2,433,467	6,587,782	17,644,802
Kerugian penjejasan nilai terkumpul	-	-	-	-	-	-	-
Susutnilai terkumpul	(437,573)	(3,116,293)	(1,070,572)	(896,222)	(1,638,618)	(1,064,114)	(8,223,392)
Nilai Buku Bersih	265,679	1,167,227	463,706	1,206,281	794,849	5,523,668	9,421,410



## Nota-nota kepada penyata kewangan (sambungan)

### 4. Aset-aset tidak ketara

	2018 RM	2017 RM
<b>Kos</b>		
Pada 1 Januari	10,268,329	8,234,734
Penambahan	-	2,036,495
Dihapuskira	(32,478)	(2,900)
Pada 31 Disember	10,235,851	10,268,329
<b>Pelunasan Terkumpul</b>		
Pada 1 Januari	4,450,603	2,714,593
Pelunasan pada tahun kewangan	2,007,451	1,738,910
Dihapuskira	(32,478)	(2,900)
Pada 31 Disember	6,425,576	4,450,603
<b>Nilai buku bersih</b>		
Pada 31 Disember	3,810,275	5,817,726

Syarikat telah mengklasifikasi semula Hartanah, Loji dan Kelengkapan yang tertentu yang memenuhi definisi aset-aset tidak ketara. Aset komparatif telah diklasifikasi semula supaya sejajar dengan pembentangan tahun kewangan semasa.

### 5. Pelaburan

	2018 RM	2017 RM
Pelaburan Syarikat diringkaskan seperti berikut:		
Nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")	7,006,510	46,260,200
Faedah terakru	66,146	185,635
	7,072,656	46,445,835
Pinjaman dan penghutang ("LAR")	481,000,000	368,000,000
Faedah terakru	9,563,489	7,440,733
	490,563,489	375,440,733
Jumlah pelaburan	497,636,145	421,886,568
Pelaburan berikut akan matang selepas 12 bulan:		
FVTPL	7,072,656	46,445,835
Pelaburan berikut akan matang dalam 12 bulan:		
LAR	490,563,489	375,440,733

#### (a) FVTPL

	2018 RM	2017 RM
<b>Nilai saksama</b>		
Sekuriti kerajaan Malaysia	7,006,510	46,260,200
Faedah terakru	66,146	185,635
Jumlah pelaburan di FVTPL	7,072,656	46,445,835

#### (b) LAR

	2018 RM	2017 RM
<b>Kos terlunas</b>		
Deposit di institusi kewangan	481,000,000	368,000,000
Faedah terakru	9,563,489	7,440,733
Jumlah pelaburan di LAR	490,563,489	375,440,733

Nilai bawaan bagi pelaburan dalam LAR pada 31 Disember 2018 (31 Disember 2017) hampir mencapai nilai saksama masing-masing.

(c) Nilai Tercatat bagi Suratcara Kewangan

	FVTPL RM	LAR RM	JUMLAH RM
<b>Pada 1 Januari 2017</b>	100,973,717	302,266,879	403,240,596
Pembelian/deposit	25,909,000	509,500,000	535,409,000
Kematangan	-	(436,500,000)	(436,500,000)
Pelupusan	(80,540,200)	-	(80,540,200)
Kerugian tidak terealis direkod dalam untung atau rugi	681,350	-	681,350
Pergerakan dalam faedah terakru	(578,032)	173,854	(404,178)
<b>Pada 31 Disember 2017</b>	46,445,835	375,440,733	421,886,568
Pembelian/deposit	-	731,000,000	731,000,000
Kematangan	-	(618,000,000)	(618,000,000)
Pelupusan	(38,905,000)	-	(38,905,000)
Gandaan tidak terealis direkod dalam untung atau rugi	(348,690)	-	(348,690)
Pergerakan dalam faedah terakru	(119,489)	2,122,756	2,003,267
<b>Pada 31 Disember 2018</b>	7,072,656	490,563,489	497,636,145

(d) Nilai saksama bagi Suratcara Kewangan

Jadual berikut menunjukkan suratcara kewangan yang dicatat pada nilai saksama yang dianalisis seperti berikut-

	FVTPL RM
<b>2018</b>	
Tahap 2 - Teknik-teknik penilaian - input pasaran yang boleh-diperhati	7,072,656
<b>2017</b>	
Tahap 2 - Teknik-teknik penilaian - input pasaran yang boleh-diperhati	46,445,835

Suratcara kewangan, yang berada di bawah Tahap 2 hirarki nilai saksama adalah diukur menggunakan teknik penilaian berdasarkan andaian yang disokong oleh harga-harga dari urusiaga pasaran semasa yang boleh diperhati dan suratcara yang untuknya penentuan harga diperolehi menerusi perkhidmatan penentuan harga tetapi di mana harga tidak ditetapkan dalam pasaran yang cergas dan suratcara dengan nilai saksama berdasarkan sebutharga pihak broker.

## 6. Insurans penghutang

	2018 RM	2017 RM
Premium terhutang termasuk baki agen/broker dan penginsurans bersama	76,511,245	105,242,116
Terhutang oleh penginsurans semula dan syarikat penyerahan	21,065,971	33,196,506
	97,577,216	138,438,622
Peruntukan bagi penjejasan	(2,432,319)	(2,049,767)
	95,144,897	136,388,855
Akan diterima dalam tempoh 12 bulan	95,144,897	136,388,855
	2018 RM	2017 RM
<b>Aset Kewangan</b>		
Amaun kasar bagi aset kewangan diiktiraf, kelonggaran penjejasan bersih	107,968,103	155,265,511
Tolak: Amaun kasar liabiliti kewangan diiktiraf Ditolak dalam penyata kedudukan kewangan (Nota 12)	(12,823,206)	(18,876,656)
Amaun bersih aset kewangan yang dibentang dalam penyata kedudukan kewangan	95,144,897	136,388,855

Tiada terdapat instrumen kewangan yang tertakluk kepada suatu perkiraan pembersihan induk yang boleh dikuatkuasakan atau sandaran kewangan (termasuk sandaran tunai) yang digadaijanji atau diterima hingga 31 Disember 2018 (31 Disember 2017: Tiada). Nilai bawaan bagi boleh-terimaan insurans pada 31 Disember 2018 (31 Disember 2017) hampir mencapai nilai saksama masing-masing.

## Nota-nota kepada penyata kewangan (sambungan)

### 7. Lain-lain penghutang

	2018 RM	2017 RM
Kumpulan Insurans Motor Malaysia ("MMIP")		
- Panggilan tunai dibuat	21,859,477	25,359,477
- Lain-lain aset dipegang dalam MMIP	31,908,529	34,905,769
	53,768,006	60,265,246
Akaun terhutang oleh syarikat berkaitan	1,839,529	196,252
Lain-lain penghutang	6,356,856	6,030,738
	61,964,391	66,492,236
Akan diterima dalam tempoh 12 bulan	60,298,389	64,822,836

Amaun tinggal adalah hampir-hampir membentuk nilai saksama disebabkan tempoh kematangan yang pendek bagi baki-baki sedemikian.

MMIP pada 31 Disember 2018 adalah jumlah bersih perlu dibayar sebanyak RM15,943,495 (2017: bayar bersih dari RM12,694,548) selepas mengofset akaun yang akan diterima dari MMIP berhubung bahagian Syarikat dalam tuntutan dan liabiliti premium MMIP berjumlah RM40,454,511 (2017: RM46,525,697) termasuk dalam Liabiliti Kontrak Insurans (Nota 10) kepada penyata kewangan.

### 8. Modal saham

	2018 DIAUDIT		2017 DIAUDIT	
	BILANGAN SAHAM	RM	BILANGAN SAHAM	RM
Modal sham terbitan dan berbayar penuh				
Pada 1 Januari/31 Disember -				
Saham-saham biasa pada nilai bukan par	216,000,000	108,000,000	216,000,000	108,000,000

### 9. Pendapatan tertahan

Syarikat mungkin mengagih dividen dikecualikan cukai aras-tunggal kepada pemegang sahamnya dari pendapatan tertahan. Sejar dengan Seksyen 51 (1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Syarikat diperlukan memperolehi kelulusan bertulis Bank Negara Malaysia sebelum mengisytihar atau membayar sebarang dividen. Sejar dengan Rangka Kerja RBC untuk pihak Penginsurans, Syarikat tidak akan membayar dividen jika kedudukan Nisbah Kecukupan Modal adalah kurang daripada paras modal sasaran dalaman atau jika pembayaran dividen akan menjejaskan kedudukan Nisbah Kecukupan Modal hingga menjadi lebih rendah daripada sasaran dalamannya.

### 10. Liabiliti kontrak insurans

	KASAR RM	PENGINSURANSSEMULA RM	BERSIH RM
<b>Pada 31 Disember 2018</b>			
Peruntukan bagi tuntutan belum terjawab	268,520,063	(81,546,496)	186,973,567
Peruntukan bagi tuntutan ditanggung tetapi tidak dilapor ("IBNR")	50,873,968	(2,372,970)	48,500,998
Liabiliti tuntutan (i)	319,394,031	(83,919,466)	235,474,565
Liabiliti premium (ii)	132,198,183	(6,809,552)	125,388,631
	451,592,214	(90,729,018)	360,863,196
<b>Pada 31 Disember 2017</b>			
Peruntukan bagi tuntutan belum terjawab	324,369,684	(131,090,494)	193,279,190
Peruntukan bagi tuntutan ditanggung tetapi tidak dilapor ("IBNR")	53,558,139	(4,622,912)	48,935,227
Liabiliti tuntutan (i)	377,927,823	(135,713,406)	242,214,417
Liabiliti premium (ii)	176,282,960	(8,758,299)	167,524,661
	554,210,783	(144,471,705)	409,739,078

	2018 RM	2017 RM
Kasar:		
Semasa	341,413,112	436,228,895
Bukan semasa	110,179,102	117,981,888
	451,592,214	554,210,783
Insurans semula:		
Semasa	(66,797,637)	(115,260,643)
Bukan semasa	(23,931,381)	(29,211,062)
	(90,729,018)	(144,471,705)
Bersih:		
Semasa	274,615,475	320,968,252
Bukan semasa	86,247,721	88,770,826
	360,863,196	409,739,078

	2018 KASAR RM	2018 INSURANS SEMULA RM	BERSIH RM
<b>(i) Liabiliti tuntutan</b>			
<b>Pada 1 Januari</b>	377,927,823	(135,713,406)	242,214,417
Tuntutan ditanggung pada tahun kemalangan semasa	201,374,779	(42,196,457)	159,178,322
Pelarasan kepada tuntutan ditanggung pada tahun-tahun kemalangan sebelumnya disebabkan perubahan dalam andaian:			
- Faktor pembangunan dan kadar diskaun	3,541,828	(9,170,031)	(5,628,203)
Lain-lain tuntutan mengalami pergerakan pada tuntutan ditanggung	(64,182,946)	41,351,766	(22,831,180)
Tuntutan dibayar pada tahun kewangan	(199,267,453)	61,808,662	(137,458,791)
<b>Pada 31 Disember</b>	319,394,031	(83,919,466)	235,474,565
<b>(ii) Liabiliti Premium</b>			
<b>Pada 1 Januari</b>	176,282,960	(8,758,299)	167,524,661
